

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 4



**EDITOR**

**Azihani binti Md Mizan  
Nor Azita binti Umar**



**PEREKA BENTUK**  
**Hisham bin Aris**



**ILUSTRATOR**  
**Abdul Razak bin Husin**



**PENULIS**

**Abdul Pabil bin Adam  
Barathi a/p Santhasaran  
Vijayaletcmy a/p Muniyandy**



**DBP**

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2019



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0095

KK 370-221-0102011-49-2511-30101

ISBN 978-983-49-2511-6

Cetakan Pertama 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Artville Network

Muka Taip Teks: macleeks2r

Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:

My Bookpal Sdn. Bhd.,

13A, Jalan Taming 10,

Taman Taming Jaya Industrial Park,

43300 Balakong,

Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak berikut:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parlimen Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Jabatan Pendaftaran Negara.
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Perbadanan Harta Intelek Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).
- Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).
- Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu.
- *Malaysian Veterinary Council*.
- Majlis Adat Istiadat Sarawak.
- Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao.
- Malaysia Hindu Sangam.
- Persekutuan Kristian Malaysia.
- Persatuan Buddhist Malaysia.
- Khalsa Diwan Malaysia.
- *Kadazandusun Cultural Association*.
- Muzium Baba dan Nyonya.
- Utusan Melayu (M) Berhad.
- *The Pure Life Society*.
- Prasarana Malaysia Berhad.
- Persatuan Aktivis Sahabat Alam - KUASA.
- Persatuan Haiwan Malaysia.
- Pertubuhan Kebajikan Kemanusiaan Antarabangsa.
- Persatuan Kechara Soup Kitchen Malaysia.
- *Feeding The Needy*.
- Yayasan Kebajikan Negara.
- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
- SMK Taman Seraya, Ampang.
- SMJK Shan Tao, Kota Kinabalu, Sabah.
- SMK Convent, Kajang.
- SMK Bandar Banting, Banting.
- Briged Siber, SMK Taman Seraya, Ampang.
- Kedai Gunting Rambut dan Butik Pakaian Moza Studio.

# KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN</b>		<b>v</b>
<b>BIDANG 5</b>	<b>INSAN BERMORAL</b>	<b>1</b>
<b>UNIT 1:</b>	Norma Masyarakat Pemangkin Kesejahteraan	2
<b>UNIT 2:</b>	Peribadi Mulia Hiasan Diri	16
<b>UNIT 3:</b>	Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan	30
<b>UNIT 4:</b>	Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika	44
<b>BIDANG 6</b>	<b>JATI DIRI MORAL</b>	<b>59</b>
<b>UNIT 5:</b>	Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri	60
<b>UNIT 6:</b>	Keluarga Berintegriti Keluarga Disegani	74
<b>UNIT 7:</b>	Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera	88
<b>BIDANG 7</b>	<b>MORAL DAN KENEGARAAN</b>	<b>103</b>
<b>UNIT 8:</b>	Hak dan Tanggungjawab Warganegara	104
<b>UNIT 9:</b>	Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara	120
<b>UNIT 10:</b>	Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika	136
<b>UNIT 11:</b>	Keunikan Rakyat Malaysia	150
<b>UNIT 12:</b>	Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama	166
<b>SENARAI RUJUKAN</b>		<b>181</b>
<b>INDEKS</b>		<b>183</b>
<b>CADANGAN JAWAPAN</b>		<b>184</b>

# PENDAHULUAN

Buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 4* Sekolah Menengah ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tingkatan 4 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Buku teks ini berfokus pada tiga bidang, iaitu Bidang 5: Insan Bermoral, Bidang 6: Jati Diri Moral dan Bidang 7: Moral dan Kenegaraan. Tiga fokus bidang ini merupakan lanjutan daripada empat bidang yang telah dipelajari semasa murid berada di tingkatan 1, 2 dan 3. Setiap bidang mengandungi unit tertentu yang secara keseluruhannya berjumlah 12 unit.

Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, setiap unit mempunyai enam bahagian, iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Pada akhir buku teks, terdapat halaman senarai rujukan dan indeks. Bahagian dalam setiap unit adalah seperti yang berikut:



## ➤ RANGSANGAN

Setiap bidang dan unit dimulakan dengan halaman rangsangan. Halaman ini mengandungi maklumat dan gambar bagi memberikan gambaran awal tentang tajuk unit tersebut. Halaman rangsangan pada setiap unit mengandungi tajuk, hasil pembelajaran dan cadangan nilai. Gambar pada halaman ini juga boleh dijadikan sebagai bahan set induksi untuk memulakan sesuatu proses pembelajaran dalam unit tersebut.

## KONSEP

Bahagian ini mengandungi semua standard pembelajaran yang telah ditetapkan untuk unit tersebut. Bahagian ini akan membantu murid untuk mengetahui dan memahami kandungan maklumat dalam unit tersebut dengan lebih mendalam.



## PENGUKUHAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap kandungan unit yang dipelajari. Bahagian ini akan membantu murid untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran dalam unit tersebut.



## PENGAYAAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang mencabar minda murid. Murid boleh meluaskan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan kemahiran yang dipelajari dalam unit tersebut.

## PEMULIHAN

Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang lebih mudah untuk dilaksanakan oleh murid. Bahagian ini akan membantu murid untuk menguasai kandungan unit dan kemahiran dengan lebih mudah.



## PENILAIAN

Pelbagai bentuk penilaian disediakan pada akhir setiap unit. Bahagian ini akan menguji pemahaman murid melalui soalan struktur dan soalan esei. Soalan penilaian mencakupi semua standard yang ditetapkan dalam DSKP untuk unit tersebut. Terdapat juga aktiviti yang boleh dilaksanakan di luar kelas untuk meningkatkan amalan perlakuan moral.

Penulisan buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 4* menekankan tiga domain utama moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Ketiga-tiga domain ini diterapkan melalui pelbagai jenis aktiviti dan latihan yang disesuaikan mengikut tahap kecerdasan, kebolehan dan kemahiran murid. Ketiga-tiga domain moral ini turut dikembangkan bersama-sama dengan penerapan nilai universal untuk membantu murid membuat keputusan rasional dalam menyelesaikan permasalahan moral. 18 nilai universal yang perlu diterapkan dalam diri setiap murid ada dinyatakan dalam QR Code pada halaman akhir buku teks ini.

Bagi memenuhi hasrat KSSM untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-21, pelbagai ciri profil murid diterapkan dalam aktiviti dan latihan supaya murid berupaya bersaing pada peringkat global. Ciri profil murid tersebut ialah berdaya tahan, mahir berkomunikasi, pemikir, kerja sepasukan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang, prihatin dan patriotik.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta turut difokuskan dalam penulisan buku teks ini. Aktiviti dan latihan yang disediakan dapat membuka ruang ke arah strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan murid menyertai secara aktif dan interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Selain itu, Elemen Merentas Kurikulum (EMK) diterapkan dalam penulisan buku teks ini bagi mengukuhkan kemahiran dan keterampilan murid sebagai modal insan yang berupaya menangani cabaran semasa dan masa hadapan.

Penulisan buku teks ini menyediakan pelbagai maklumat bagi menjanakan pemikiran murid. Yang berikut merupakan penerangan ikon yang berkaitan dengan nilai tambah dalam penulisan buku ini:



### **KBAT**

Soalan yang boleh meningkatkan keupayaan, kebolehan dan kemahiran murid berfikir secara kritis dan kreatif, membuat penaaakuan serta strategi berfikir yang mantap.



### **Refleksi**

Membolehkan murid memberikan maklum balas dan menilai diri berdasarkan aktiviti dan latihan yang diberikan di samping pengalaman sedia ada murid.



### **Info Tambahan**

Memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan topik yang dibincangkan untuk mengukuhkan pemahaman murid.



### **QR Code**

Mengandungi maklumat tambahan dalam pelbagai bentuk seperti laman sesawang, video dan lain-lain. *QR Code* perlu diimbas menggunakan gajet semasa bagi mengetahui maklumat yang terdapat di dalamnya.



### **AR Code** (Augmented Reality)

Mengandungi maklumat tambahan dalam bentuk video dan animasi bagi menarik minat murid. Teknologi ini menggabungkan dunia maya dan nyata dalam bentuk 2D dan 3D. Aplikasi *AR DBP Pendidikan Moral Tingkatan 4* boleh dimuat turun daripada aplikasi *Play Store* dan aplikasi *App Store*.



### Nilai Universal

Mengandungi soalan yang berkaitan dengan nilai yang diaplikasikan berdasarkan situasi yang diberikan.



### Dimensi Moral

Mengandungi soalan yang menguji pemahaman murid dalam menyelesaikan sesuatu situasi yang diberikan dengan menggunakan domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

**Penaakulan Moral:** Keupayaan mental untuk menaakul, iaitu membuat pertimbangan moral dalam situasi yang kabur atau berkonflik nilai demi mengenal pasti perlakuan baik atau benar dan perlakuan jahat atau salah.

**Emosi Moral:** Kesedaran emosi moral melahirkan kepedulian dan hati nurani yang menyebabkan insan berasa gembira apabila membuat sesuatu yang betul dan rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak betul.

**Perlakuan Moral:** Tindakan moral yang berkaitan antara penaakulan moral dengan emosi moral.



### Dilema Moral

Memberikan fokus kepada situasi yang menimbulkan dilema kepada seseorang untuk membuat pilihan tindakan yang patut dan wajar dalam menyelesaikan situasi tersebut.

Akhirnya, penulis berharap agar buku ini dapat memberikan pengetahuan, pemahaman dan kemahiran kepada murid. Murid dapat memahami isu moral, membuat keputusan penyelesaian masalah moral berasaskan prinsip moral, menyuburkan emosi moral ke arah tingkah laku berempati dan adil serta memperkukuh elemen perpaduan dalam diri untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni. Di samping itu, murid berupaya menghayati dan mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti. Buku ini juga diharapkan dapat melahirkan murid yang berakhlak mulia dan dapat memberikan sumbangan kepada keluarga, masyarakat serta negara. Semoga hasil penulisan buku teks ini dimanfaatkan dengan sebaik-baik mungkin.

Abdul Pabil bin Adam  
Barathi a/p Santhasaran  
Vijayaletcm y a/p Muniyandy





# **BIDANG** **5** **INSAN BERMORAL**

Bidang Insan Bermoral membincangkan ciri insan bermoral berkeperibadian mulia yang mampu menjadi suri teladan yang baik, bersikap adil, prihatin dan mempraktikkan amalan bermoral yang diterima oleh masyarakat. Insan bermoral sentiasa menghormati agama dan kepercayaan serta menyayangi diri dan orang lain. Insan bermoral juga mampu membuat keputusan dengan menggunakan sumber dan maklumat secara autonomi berdasarkan norma masyarakat.



# UNIT 1

## NORMA MASYARAKAT PEMANGKIN KESEJAHTERAAN

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 5.1.1 Maksud norma masyarakat.
- 5.1.2 Contoh norma masyarakat.
- 5.1.3 Kepentingan amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian.
- 5.1.4 Kesan pengabaian norma masyarakat dalam kehidupan harian.
- 5.1.5 Perasaan apabila mematuhi norma masyarakat.
- 5.1.6 Amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian.



Adakah berswafoto diterima  
sebagai norma masyarakat  
pada masa kini?



**CADANGAN NILAI**

- Hormat
- Hemah tinggi
- Toleransi
- Kesederhanaan
- Kebebasan

Setiap kaum mempunyai norma tersendiri yang diamalkan dalam kelompok masyarakat mereka. Norma berasal daripada perkataan Latin yang membawa maksud peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat. Norma masyarakat pula merujuk perilaku atau tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya.

Peraturan sosial yang dibentuk secara sadar atau tidak sadar tentang sesuatu perkara sehingga menjadi kebiasaan.

Amalan norma masyarakat yang merangkumi perbuatan yang wajar dilakukan dan patut dihindari dalam kehidupan bermasyarakat.

## **NORMA MASYARAKAT**

Amalan agama menjadi sebahagian daripada norma masyarakat.

Akur dan dapat menyesuaikan diri dengan peraturan yang telah ditetapkan.

Tingkah laku yang dianggap wajar dan diterima dalam masyarakat.

Terdapat pelbagai norma yang diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Antara norma masyarakat yang biasa diamalkan termasuklah contoh di bawah.

### CONTOH NORMA MASYARAKAT



Menghormati orang yang lebih tua.



Duduk ketika makan.



Mengetuk pintu sebelum masuk.




Beratur ketika menggunakan pengangkutan awam.

Norma masyarakat amat penting bagi menjamin kesejahteraan hidup dan memberikan kebaikan kepada semua anggota dalam sesebuah masyarakat. Terdapat beberapa kepentingan amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian.



Masyarakat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kepercayaan. Keunikan dan kepelbagaian ini tidak menjejaskan amalan norma masing-masing. Namun begitu, kemodenan dan arus globalisasi menyebabkan segelintir masyarakat mula mengabaikan norma masyarakat dalam kehidupan harian. Antara kesan pengabaian norma masyarakat termasuklah perkara seperti yang di bawah:



**INFO TAMBAHAN**

Bahasa badan bermaksud cara berkomunikasi melalui gaya duduk, berjalan, mimik muka dan sebagainya serta bukannya melalui pertuturan.

(Sumber: Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan Edisi Kedua, 2016)

Masyarakat yang berbilang kaum juga bukanlah penghalang bagi rakyat Malaysia untuk mengetengahkan amalan terpuji. Interaksi yang baik akan terbentuk apabila norma masyarakat menjadi amalan setiap individu. Norma masyarakat juga akan membentuk individu agar saling menghormati dan hidup harmoni dalam sesebuah masyarakat.

Walaupun menerima kemajuan dan kemodenan, namun tidaklah memberikan kebebasan kepada kita untuk mengetepikan apa-apa jua amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian. Amalan norma masyarakat membantu untuk membentuk insan bermoral.

Terima kasih, Maniam.  
Kami terharu dan bangga  
mempunyai jiran yang baik  
seperti kamu sekeluarga.

Puan Mary,  
terimalah makanan ini.  
Ibu saya yang masak.



Semoga semangat  
kejiranan ini terus berkekalan  
dan dicontohi oleh  
orang lain.





## PENGUKUHAN

**A** Lihat gambar di bawah. Kemudian, bincangkan soalan yang diberikan.



1. Kenal pasti norma masyarakat dalam gambar di atas.
2. Jelaskan perasaan anda sekiranya setiap anggota masyarakat mengamalkan norma masyarakat tersebut dalam kehidupan harian. Berikan alasan anda.
3. Bagaimanakah amalan norma masyarakat seperti gambar di atas memberikan kebaikan dalam kehidupan harian?

**B** Secara berkumpulan, bincangkan contoh norma lain yang menjadi amalan dalam kehidupan.



## REFLEKSI

Sejauh manakah amalan nilai mampu melatih anda mengamalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian?

**C Teliti situasi di bawah.**

Berdasarkan situasi tersebut:

1. Jelaskan perubahan norma masyarakat.
2. Wajarkah perubahan norma masyarakat tersebut? Bincangkan.
3. Ramalkan kesan pengabaian norma masyarakat dalam kehidupan harian.

**Situasi 1** Suasana di meja makan.



**Situasi 2** Pengekalan adat resam.



**NILAI UNIVERSAL**

Jelaskan amalan nilai universal yang dapat mengekalkan amalan norma dalam kehidupan masyarakat.

**Situasi 3** Cara berpakaian dan bertingkah laku di rumah ibadat.



**Situasi 4** Kehidupan berjiran.



Perubahan norma masyarakat perlu seiring dengan perubahan zaman. Bahaskan.





**PENGAYAAN**

**A** Bincangkan kesan budaya hedonisme dengan menggunakan kaedah tanda bicara (talking chips).

**Hedonisme**

**Soalan 1**

Berikan contoh budaya hedonisme lain.

Pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup sahaja.

- Pergaulan bebas.
- Penyalahgunaan dadah.
- Berpelesiran sehingga lewat malam.

**Soalan 2**

Terangkan kesan budaya hedonisme.

**Soalan 3**

Huraikan cara mengelakkan diri daripada budaya hedonisme.



**DILEMA MORAL**

Anda telah dinasihati oleh rakan agar tidak menghadiri sebuah konsert artis luar negara. Menurut rakan anda, konsert tersebut terdedah kepada budaya hedonisme. Anda menjadi serba salah kerana anda telah membeli tiket konsert tersebut dengan harga yang mahal. Apakah pilihan anda? Jelaskan kewajaran tindakan anda.



**DIMENSI MORAL**

Bagaimanakah dimensi moral boleh digunakan untuk menangani budaya hedonisme? Jelaskan.

**B** Ceritakan dilema lain yang anda hadapi dalam usaha mengekalkan norma masyarakat dalam kehidupan harian. Bincangkan penyelesaian dan bukannya sebagai panduan untuk diri sendiri dan orang lain.



Tanda Bicara (Talking Chips).



## PEMULIHAN

- A** Lihat contoh jurnal bergambar berkaitan dengan amalan norma masyarakat yang diamalkan dalam kehidupan harian di bawah.

### AMALAN BERGOTONG-ROYONG DALAM PENYEDIAAN MAKANAN TRADISIONAL



- Mengekalkan tradisi penyediaan makanan tradisional.
- Berbangga kerana dapat berkongsi makanan tradisional dengan pelbagai kaum.
- Mewujudkan semangat kejiranan dan saling membantu.

Foto: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

- B** Secara berkumpulan, hasilkan jurnal bergambar lain yang berkaitan dengan amalan norma masyarakat. Bentangkannya di dalam kelas secara kreatif.

#### PANDUAN PELAKSANAAN:

1. Ambil gambar norma masyarakat yang anda amalkan dalam kehidupan harian.
2. Pilih beberapa keping gambar terbaik dan masukkan maklumat berkaitan dengan norma yang diamalkan.
  - Amalan norma tersebut.
  - Kepentingan norma tersebut dalam masyarakat.
  - Kesan pengabaian norma tersebut.
  - Perasaan apabila berjaya mengamalkan norma tersebut dalam kehidupan harian.



## REFLEKSI

Bagaimanakah amalan norma masyarakat dalam jurnal bergambar dapat membantu anda membentuk tingkah laku insan bermoral?



## PENILAIAN

**A** Perhatikan gambar di bawah yang menunjukkan perubahan norma masyarakat dalam aktiviti permainan dahulu dan sekarang.

PERMAINAN DAHULU	PERMAINAN SEKARANG
	
	

1. Nyatakan norma masyarakat dalam aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak dahulu berbanding dengan kanak-kanak sekarang.
2. Adakah perubahan aktiviti di atas sesuai dengan norma kehidupan masyarakat kini? Jelaskan.
3. Huraikan kepentingan norma masyarakat yang sepatutnya kita amalkan.
4. Ramalkan kesan sekiranya sesuatu norma masyarakat itu diabaikan dalam kehidupan harian.

**B** Sejauh manakah permainan tradisional secara digital memberikan cabaran terhadap pengejalan amalan norma masyarakat?

- C** Secara berkumpulan, buat satu rakaman video yang menunjukkan amalan norma masyarakat dalam kehidupan harian.



Contoh amalan norma masyarakat kaum Punjabi.

Foto: Khalsa Diwan Malaysia

### PANDUAN PELAKSANAAN:

1. Pilih satu norma masyarakat yang anda amalkan dalam kehidupan harian.
2. Kenal pasti perkara penting yang ingin anda rakamkan.
3. Selepas rakaman, buat suntingan secara kreatif dan menarik.

- **Bentangkan hasil rakaman tersebut di hadapan kelas. Kemudian, buat sumbang saran berkaitan dengan amalan norma masyarakat yang ditonjolkan.**
- **Muat naik dan kongsi rakaman tersebut dalam pelbagai aplikasi multimedia.**



## UNIT 2

# PERIBADI MULIA HIASAN DIRI

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 5.2.1 Ciri individu yang berkeperibadian mulia.
- 5.2.2 Contoh cara mempraktikkan keperibadian mulia.
- 5.2.3 Kepentingan mempunyai keperibadian mulia.
- 5.2.4 Banding beza keperibadian mulia dengan bukan keperibadian mulia.
- 5.2.5 Perasaan apabila mengamalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian.
- 5.2.6 Amalan keperibadian mulia dalam kehidupan harian.



Sekiranya berpeluang untuk kembali pada zaman kanak-kanak, apakah yang ingin anda lakukan untuk memperbaiki keperibadian diri?



**CADANGAN NILAI**

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Hemah tinggi
- Harga diri
- Kejujuran
- Keberanian



## KONSEP

Pembentukan modal insan yang berkeperibadian mulia memerlukan penghayatan nilai murni dan perkembangan dari segi penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Keperibadian mulia bermaksud sifat baik dan terpuji yang dimiliki oleh individu. Keperibadian mulia ini dapat dibentuk melalui latihan serta amalan kesederhanaan dalam kehidupan harian sehingga menjadi tabiat atau kebiasaan. Individu yang berkeperibadian mulia mempunyai ciri yang tertentu. Antaranya termasuklah ciri seperti yang di bawah:

## UNIT 2



Keperibadian mulia juga merupakan satu standard yang menentukan seseorang individu untuk menjadi insan yang baik. Keperibadian mulia dapat membantu individu untuk meningkatkan kualiti hidup yang diinginkan. Terdapat beberapa cara untuk mempraktikkan keperibadian mulia.

#### **DIRI**

- Menjaga batasan pergaulan.
- Bersikap pemaaf dan berani mengakui kesilapan diri.

#### **KELUARGA**

- Mendapatkan sokongan ibu bapa dalam kehidupan.
- Bersederhana dalam menyambut hari istimewa anggota keluarga.

### **CARA MEMPRAKTIKKAN KEPERIBADIAN MULIA**

#### **RAKAN SEBAYA**

- Menegur kesalahan rakan dengan cara yang baik.
- Memberikan pertolongan dengan ikhlas.

#### **NEGARA**

- Mengelakkan diri daripada melakukan penularan fitnah tentang negara.
- Mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang.

#### **MASYARAKAT**

- Membantu mangsa bencana.
- Melibatkan diri secara sukarela dalam program kemasyarakatan.

Setiap individu perlu mengetahui kepentingan berkeperibadian mulia agar tidak mudah terpengaruh dengan tabiat yang negatif. Yang berikut merupakan kepentingan mempunyai keperibadian mulia bagi seseorang individu:

## KEPENTINGAN BERKEPERIBADIAN MULIA



Individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani akan melahirkan generasi yang berkeperibadian mulia. Sehubungan dengan itu, perbandingan antara tingkah laku berkeperibadian mulia dengan bukan berkeperibadian mulia dapat dilihat seperti yang di bawah:

## **PERBANDINGAN TINGKAH LAKU BERKEPERIBADIAN MULIA DENGAN BUKAN BERKEPERIBADIAN MULIA**

<b>Berkeperibadian Mulia</b>	<b>Bukan Berkeperibadian Mulia</b>
Sanggup menghadapi cabaran dalam kehidupan.	Mudah berputus asa dalam usaha mencapai kejayaan.
Sentiasa bersyukur.	Khianat dan bersangka buruk.
Berjimat cermat dalam perbelanjaan.	Tamak dan boros.
Bekerjasama dan saling menolong.	Mementingkan diri sendiri.
Amanah.	Tidak jujur.
Sederhana dalam pertuturan dan perlakuan.	Pemarah dan tidak sabar.

Oleh itu, setiap individu perlu mengamalkan keperibadian mulia agar dapat melahirkan insan bermoral. Dengan ini, kita dapat hidup dalam suasana gembira, selesa dan harmoni.




## PENGUKUHAN

**A** Teliti Inventori Personaliti Warna (IPW) di bawah. Laksanakan kaedah stesen mengikut panduan yang diberikan.


UNIT 2

### BERTANGGUNGJAWAB

- Mengikut peraturan.
- Bersikap keibubapaan.
- Patuh pada adat resam.
- Boleh dipercayai.
- Tradisional.
- Suka menolong.



**EMAS**



### SUKA AKAN KEHARMONIAN

- Mudah simpati.
- Penyayang dan setia.
- Romantis.
- Berseni.
- Kerjasama.
- Imaginatif.

**BIRU**

## PANDUAN

**LANGKAH 1** Labelkan empat sudut di dalam kelas mengikut Inventori Personaliti Warna (IPW) di atas.

**LANGKAH 2** Pilih personaliti yang difikirkan paling sesuai dengan diri anda dan mula bergerak ke sudut tersebut.

**LANGKAH 3** Terangkan tujuan anda memilih personaliti tersebut dan kongsi bersama-sama dengan rakan di sudut tersebut.



Ujian Personaliti Diri.

**HIJAU**



**PERASAAN INGIN TAHU**

- Berpengetahuan luas.
- Tenang.
- Kreatif dan inovatif.
- Panjang akal.
- Berprinsip dan jujur.
- Mementingkan teori.

**JINGGA**

**SUKA MENGEMBARA**

- Suka akan cabaran.
- Berfikiran terbuka.
- Suka akan keseronokan.
- Bertindak spontan.
- Tergopoh-gapah tetapi bersemangat.
- Suka akan persaingan.



**PELAKSANAAN**

**LANGKAH 4**

Jawab ujian personaliti dengan merujuk *QR Code* yang diberikan atau kaedah lain yang digunakan oleh guru.

**LANGKAH 5**

Bergerak ke sudut IPW baharu berdasarkan keputusan ujian personaliti di atas.

1. Apakah perasaan anda apabila mengetahui personaliti diri sebenar anda? Jelaskan.
2. Adakah anda ingin mengekalkan personaliti diri sebenar anda? Kongsi bersama-sama dengan rakan dalam kumpulan anda.
3. Pada pendapat anda, apakah kepentingan mengetahui personaliti diri yang baik dalam membentuk keperibadian mulia?



**REFLEKSI**

Adakah anda sentiasa menunjukkan personaliti diri sebenar dalam semua situasi? Berikan pandangan anda.



## PENGAYAAN

- A** Secara berkumpulan, laksanakan aktiviti debat yang bertajuk “Remaja Masa Kini Mementingkan Maruah Diri”.



### DIMENSI MORAL

Mengapakah anda perlu menjaga maruah diri? Berikan kewajaran jawapan anda berdasarkan penaakulan moral.

1. Apakah rumusan yang dapat dibuat daripada aktiviti debat di atas? Berikan pendapat anda.
2. Jelaskan perasaan anda apabila dapat melakukan perbuatan yang baik dalam kehidupan.

- B** Lakukan satu kajian biografi tentang suri teladan berkeperibadian mulia yang anda kagumi.


### Contoh Suri Teladan

Anggota keluarga

Tokoh

Guru

Ahli sukan



### MAKLUMAT BIOGRAFI

- Latar belakang.
- Ciri keperibadian mulia.
- Sumbangan.
- Kejayaan.
- Sikap yang boleh dicontohi.
- Justifikasi pilihan.

- C** Bentangkan biografi suri teladan pilihan anda dengan menggunakan perisian multimedia yang sesuai.



- D** Secara berkumpulan, lakukan aktiviti penilaian sendiri yang bertajuk “Persepsi Kendiri dan Persepsi Rakan Sebaya” dalam bentuk senarai semak.



1. Adakah anda bersetuju dengan persepsi rakan terhadap diri anda? Berikan alasan anda.
2. Jelaskan perasaan anda setelah mengetahui kekuatan dan kelemahan diri anda.
3. Bincangkan cara anda mengatasi kelemahan diri supaya amalan keperibadian mulia dapat dipraktikkan dalam kehidupan harian.

**NILAI UNIVERSAL**

Bagaimanakah amalan nilai universal dapat membentuk individu berkeperibadian mulia?



Contoh Senarai Semak Penilaian Kendiri.



## PEMULIHAN

**A** Main peranan berdasarkan situasi bergambar di bawah.

**Gambar A**




**Gambar B**



1. Banding beza ciri berkeperibadian mulia yang terdapat dalam kedua-dua gambar di atas.
2. Jika anda berada dalam situasi A, apakah tindakan moral anda? Mengapa?

**B** Teliti gambar di bawah.



1. Senaraikan sikap berkeperibadian mulia dalam gambar di atas.
2. Jelaskan kepentingan sikap berkeperibadian mulia terhadap haiwan.



## REFLEKSI

Generasi kini mula prihatin terhadap kebajikan haiwan. Berikan komen anda.

**C** Perhatikan gambar di bawah.



1. Wajarkah lelaki berbaju merah berprasangka buruk terhadap lelaki berbaju biru tersebut? Bincangkan.
2. Memberikan kritikan tanpa usul periksa merupakan tindakan tidak berkeperibadian mulia yang semakin menular dalam kalangan remaja. Berikan komen anda.

**D** Lukis peta pemikiran tentang ciri berkeperibadian mulia yang anda ingini di atas kad manila. Lekatkan peta pemikiran tersebut di dalam bilik anda. Amalkannya dalam kehidupan harian.



## REFLEKSI

Sokongan dan dorongan daripada keluarga dan masyarakat amat penting dalam membantu individu yang tidak mempunyai keperibadian mulia. Berikan komen anda.



## PENILAIAN

- A** Lihat gambar di bawah yang menunjukkan dilema yang dihadapi oleh seorang penunggang motosikal setelah motosikalnya bergesel dengan sebuah kenderaan.



1. Jika anda penunggang motosikal tersebut, bagaimanakah anda menyelesaikan situasi di atas berdasarkan penaklukan moral, emosi moral dan perlakuan moral?
2. Isu langgar lari sering berlaku dalam kalangan pemandu kini. Jelaskan kepentingan mempunyai keperibadian mulia dalam situasi ini.

- B** Revolusi Perindustrian 4.0 membolehkan manusia menjalani kehidupan dengan lebih mudah. Namun begitu, terdapat cabaran utama dalam melahirkan generasi yang berkeperibadian mulia. Bincangkan.

**C** Adakan satu aktiviti pembelajaran berkhidmat (service learning) di kawasan tempat tinggal anda. Tulis laporan lengkap mengikut format di bawah.

**1**

Pengenalan.

**2**

Tujuan dan objektif projek.

**3**

Senarai semak projek.

**4**

Cara pelaksanaan projek.

**5**

Penilaian pelaksanaan projek.

**6**

Kesan dan nilai universal yang dipelajari.

**7**

Refleksi.

UNIT 2

Bentangkan laporan anda dengan merujuk perkara di bawah:

1. Amalan keperibadian mulia yang dapat dipupuk melalui aktiviti pembelajaran berkhidmat (service learning) yang dilaksanakan.
2. Cara lain untuk anda amalkan keperibadian mulia dalam kehidupan harian.



Contoh Kertas Kerja Projek Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning).



Pembelajaran Berkhidmat (Service Learning).



## UNIT 3

# PRINSIP KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 5.3.1** Contoh prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.
- 5.3.2** Prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan.
- 5.3.3** Kepentingan membuat keputusan antara prinsip keadilan dan keprihatinan berdasarkan situasi.
- 5.3.4** Keutamaan antara prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan dalam membuat pertimbangan.
- 5.3.5** Perasaan apabila membuat keputusan berasaskan prinsip keadilan dan keprihatinan.
- 5.3.6** Tindakan yang wajar berdasarkan prinsip keadilan dan keprihatinan dalam kehidupan harian.

.....  
**Sejauh manakah sesebuah negara  
mampu memberikan keadilan  
dan keprihatinan kepada  
semua lapisan masyarakat?**  
.....



**CADANGAN NILAI**

- Rasional
- Kasih sayang
- Baik hati
- Kejujuran
- Keberanian

Foto: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



## KONSEP

Dalam membuat sesuatu keputusan, dua prinsip perlu diutamakan, iaitu prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan.

### PRINSIP KEADILAN

- Sikap dan tingkah laku individu dalam hubungan antara manusia untuk menegakkan kesaksamaan dengan keseimbangan dalam pemikiran, pertuturan, perasaan dan perlakuan.
- Prinsip keadilan melibatkan sebarang perbuatan adil terhadap diri sendiri dan orang lain.
- Dalam membuat keputusan untuk sesuatu dilema moral, prinsip keadilan akan digunakan sebagai nilai asas.

### CONTOH


Bersikap tidak berat sebelah	Layanan sama rata	Menghormati hak individu	Adil dalam mengagihkan sumbangan atau bantuan	Bersikap rasional
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan calon.</li> <li>• Pemberian ganjaran atau hukuman.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tanpa mengira status sosial.</li> <li>• Tanpa mengira sosioekonomi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).</li> <li>• Keperluan untuk golongan kurang bernasib baik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mangsa bencana.</li> <li>• Rakyat yang berkeperluan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganalisis situasi.</li> <li>• Membuat pertimbangan moral.</li> </ul>




## PRINSIP KEPRIHATINAN

- Perlakuan yang memberikan pertimbangan moral dalam melaksanakan peranan atau kewajipan terhadap orang lain.
- Mempertimbangkan kepentingan orang lain dalam situasi yang dihadapi.
- Dalam membuat keputusan untuk sesuatu situasi berperikemanusiaan, biasanya prinsip keprihatinan akan digunakan sebagai asas ukuran.

### CONTOH



Terdapat beberapa kepentingan dalam membuat keputusan dengan menggunakan prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan.



UNIT 3

Dalam membuat keputusan untuk menyelesaikan sesuatu konflik, prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan akan saling bertindih. Oleh itu, dalam menaakul keutamaan antara prinsip keadilan dengan prinsip keprihatinan dalam menyelesaikan sesuatu konflik, beberapa strategi boleh digunakan.



Dilema moral berikut memerlukan pertimbangan wajar berdasarkan prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan.

Charles merupakan atlet yang sering mewakili sekolah ke peringkat negeri dan kebangsaan. Minatnya terhadap bidang sukan amat mendalam. Namun begitu, Charles mempunyai masalah disiplin, terutamanya berkaitan dengan kehadiran hingga dihukum gantung persekolahan. Semasa temasya sukan antara sekolah peringkat negeri sedang berlangsung, Charles membuat rayuan kepada pihak sekolah dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya. Dia memohon agar diberikan kebenaran untuk mengambil bahagian dalam acara larian. Bagaimanakah pihak sekolah dapat membuat keputusan terhadap rayuan Charles itu?

### PROSES PERTIMBANGAN MORAL DALAM MENYELESAIKAN DILEMA MORAL

<b>Konflik</b>	Membenarkan Charles mewakili sekolah dalam bidang sukan atau terus menggantung persekolahannya.	
<b>Pertimbangan moral</b>	<p><b>Prinsip keadilan:</b> Murid bermasalah tidak boleh mewakili sekolah dalam apa-apa aktiviti.</p> <p><b>Prinsip keprihatinan:</b> Murid yang menunjukkan minat dan berbakat dalam bidang sukan tidak patut dipinggirkan.</p> <p><b>Dilema pihak pentadbiran:</b> Murid bermasalah tetapi berpotensi mengharumkan nama sekolah dalam bidang sukan.</p>	
<b>Pemilihan prinsip</b>	<p><b>Prinsip keadilan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Setiap murid perlu mematuhi peraturan sekolah.</li> <li>2. Boleh menjadi pengajaran kepada murid bermasalah.</li> </ol>	<p><b>Prinsip keprihatinan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memberikan kebenaran secara bersyarat kepada Charles.</li> <li>2. Charles telah berjanji untuk mengubah sikapnya.</li> </ol>
<b>Justifikasi</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendorong murid yang berbakat untuk menunjukkan kebolehannya.</li> <li>2. Memberikan peluang kepada murid yang telah sedar dengan kesilapan yang pernah dilakukannya untuk meningkatkan prestasi diri.</li> </ol>	

Anggota masyarakat akan berasa bangga dan bersyukur sekiranya prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan menjadi amalan dalam kehidupan. Sememangnya, prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan merupakan dua prinsip penting dalam menyelesaikan sesuatu isu atau dilema bagi melindungi dan menjaga kebajikan anggota masyarakat.



## PENGUKUHAN

**A** Bincangkan dilema moral di bawah. Kemudian, buat keputusan berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.



## UNIT 3


Chin Meng Keong dijatuhi hukuman penjara seumur hidup atas kes jenayah yang dilakukannya. Di dalam penjara, Chin Meng Keong berjaya mengubah dirinya dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah. Chin Meng Keong juga membantu pesalah lain untuk menuntut ilmu. Chin Meng Keong membuat rayuan untuk dibebaskan kerana dia telah insaf dan ingin berbakti kepada masyarakat. Dia juga ingin bersama-sama dengan anggota keluarganya.



## NILAI UNIVERSAL

Bagaimanakah amalan nilai universal boleh mempengaruhi tindakan anda dalam membuat keputusan berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan?

Gunakan strategi penyelesaian konflik untuk menyelesaikan dilema moral di atas.




Dalam situasi tertentu ketika membuat keputusan, kadangkala pemilihan prinsip keprihatinan mengatasi prinsip keadilan. Bincangkan.



5.3.1, 5.3.2, 5.3.4

**B** Berdasarkan situasi di bawah, cari penyelesaian dengan menggunakan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.



Sebagai anggota polis trafik, anda telah menahan seorang pengguna jalan raya yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Setelah disoal, anda mendapati pemandu tersebut memandu laju kerana membawa ayahnya yang sedang sakit tenat ke hospital. Apakah tindakan anda?



Florin bekerja di sebuah kedai kasut terkenal. Florin tidak mampu membeli kasut yang dijual di kedai tersebut. Pada suatu hari, dia mencuri sepasang kasut sukan untuk anaknya yang akan mewakili sekolah dalam acara sukan. Anda yang bekerja di kedai tersebut juga telah melihat perbuatan Florin. Apakah tindakan anda?

UNIT 3



### REFLEKSI

Sejauh manakah prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan dapat membentuk diri anda menjadi insan bermoral?



### NILAI UNIVERSAL

Apakah nilai universal yang wajar diamalkan dalam kedua-dua situasi di atas?



## PENGAYAAN

**A** Laksanakan sesi dialog yang membincangkan isu dalam keratan akhbar di bawah.

### Kajian mansuh hukuman mati pada peringkat akhir

**Sandakan:** Kajian untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di negara ini, pada peringkat akhir sebelum dibentangkan kepada jemaah menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, berkata kajian tersebut dilaksanakan pihak Peguam Negara berikutan keputusan kerajaan berhasrat memansuhkan hukuman mati mandatori yang dibuat bagi mengikut Standard Antarabangsa berkaitan Hak Asasi Manusia.

"Kajian hukuman mati mandatori ini sudah pada peringkat akhir; sekiranya sempat kita akan baring. Riang Undang-Undang ini pada hujung tahun ini untuk dimansuhkan atau tidak," katanya selepas Majlis Malam Mesra Integras Sosial Bersama Komuniti di

Kampung Karamunting di sini, malam kelmarin.

Program itu aruhan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Sandakan di bawah Jawatankuasa Rawatan dan Pemulihan Dadah AADK dengan kerjasama Bukan

Tetangga Kampung Karamunting. Vui Keong yang juga menteri berkaitan undang-undang, berkata pelaksanaan hukuman mati mandatori di negara ini membabitkan kesalahan dadah, membunuh dan berkaitan penganas.

**Ambil kira pelbagai aspek** Beliau berkata, kajian hukuman akan mengambil kira pelbagai aspek dalam memansuhkan hukuman setimpal diberikan kepada pesalah khususnya kerana membunuh dan penganas.

"Bagi saya secara peribadi, dalam kes dadah ini kadangkala kita terlebih keras terhadap mereka di-analisis atau menjadi kejadid dadah, tetapi undang-undang kita terhadap sesapa didapati bersalah mengedar dadah lebih daripada jumlah (di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952) adalah hukuman mati mandatori.

"Saya rasa ia tidak adil kepada mereka dan setakat ini hakim diberikan pengkhususan untuk mengatuhkan hukuman mati atau tidak kepada mereka didapati bersalah di bawah Seksyen 39B ADB 1952," katanya yang juga Ahli Parlimen Batu Sapi.

Menurutnya, jika pemansuhan hukuman mati mandatori ini dapat dilaksanakan, rumpun diberikan terhadap Seksyen 39B ADB

1952 dan hanya dikenakan hukuman penjara seumur hidup.

"Tetapi bagi jenayah lain seperti membunuh dan penganas yang menceroobh kedaulatan negara seperti tragedi berlaku di Tanduo, Lahad Datu hingga menyebarkan kemarahan penduduk kampung dan anggota pasukan keselamatan, perkara ini kita kena ambil pertimbangan," katanya.

Beliau berkata, ini bagi memastikan mereka yang ditangkap kerana melakukan kesalahan itu dijatuhkan hukuman setimpal.

Di negara ini, pelaksanaan hukuman mati adalah memerusi teknik gantung bagi kesalahan membunuh dengan niat, mengedar dadah melebihi jumlah yang ditetapkan dan kesalahan berahat pemilikan senjata api. **BERNAMA**

(Sumber: Berita Harian, 8 Oktober 2018)

Adakah hukuman mati wajar dilaksanakan?

Pada pendapat saya, hukuman mati akan menjadi pengajaran kepada masyarakat supaya tidak melakukan jenayah.

Kesalahan membunuh pula tidak wajar dihukum dengan hukuman mati. Pesalah patut dijatuhi hukuman lain.

Sekumpulan remaja membuli seorang remaja lain sehingga menyebabkan kematian. Mereka dijatuhi hukuman ringan kerana berusia di bawah 18 tahun. Bersetujukah anda? Bincangkan.



**B** Berdasarkan dialog di atas, adakan perbahasan yang bertajuk "Hukuman Mati Harus Diganti dengan Hukuman Penjara Seumur Hidup".



**C** Fahami situasi di bawah. Bincangkan tindakan yang akan diambil berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan. Bentangkan keputusan anda secara kreatif di dalam kelas.

1

Seekor haiwan peliharaan yang dijangkiti penyakit terus dipelihara oleh tuannya tanpa mendapat rawatan sewajarnya.

2

Terdapat haiwan yang dibunuh dan dijual ke restoran untuk disajikan sebagai makanan eksotik.

3

Seorang lelaki bertindak meninggalkan anak-anak kucingnya di pasar. Dia beranggapan bahawa orang yang lalu-lalang di situ akan mengambil anak-anak kucing tersebut.



### NILAI UNIVERSAL

Jelaskan nilai universal yang patut dipraktikkan dalam menjaga kebajikan haiwan peliharaan.

UNIT 3



### DIMENSI MORAL

Bagaimanakah emosi moral boleh digunakan dalam setiap situasi di atas?

Haiwan juga mempunyai hak untuk dilindungi daripada sebarang bentuk penganiayaan. Berikan komen anda.



Akta Kebajikan Haiwan 2015.

5.3.1, 5.3.2, 5.3.4



## PEMULIHAN

- A Laksanakan kaedah stesen bagi situasi di bawah dengan menggunakan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.

### Stesen

# 1

Contoh dan cara prinsip keadilan dilaksanakan

#### NENEK MAUT DITARIK PERAGUT

Seorang warga emas tidak sempat tiba di rumahnya. Warga emas itu menemui ajal dalam kejadian ragut berhampiran dengan rumahnya. Dia meninggal dunia akibat cedera parah di kepala.

### Stesen

# 2

Contoh dan cara prinsip keprihatinan dilaksanakan untuk masyarakat berkeperluan

#### KEBAKARAN BESAR

Satu kebakaran besar telah memusnahkan sederet rumah di sebuah kawasan. Semua penghuni yang menjadi mangsa kebakaran itu telah kehilangan harta benda dan tempat tinggal.

### Stesen

# 3

Kepentingan prinsip keadilan dan prinsip keprihatinan

Banyak anggota masyarakat menjadi mangsa keadaan akibat ketidakstabilan ekonomi. Mengapakah nasib mereka perlu dibela?



## Stesen

# 4

**Penyelesaian terhadap dilema moral berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan**

Sumathi bekerja sebagai kerani akaun di sebuah firma swasta. Ketika membuat tuntutan perjalanan dan penginapan, rakan sekerjanya telah meminta Sumathi membuat tuntutan lebih daripada kadar yang sepatutnya. Sumathi bimbang kesalahan membuat tuntutan secara berlebihan itu diketahui oleh pihak pengurusan.

## Stesen

# 5

**Tindakan wajar berasaskan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan**

Anda keluar memancing ikan bersama-sama dengan adik anda dan rakannya. Tiba-tiba, mereka terjatuh ke dalam laut. Mereka pula tidak tahu berenang. Adik anda berada agak jauh daripada bot. Anda hanya dapat menyelamatkan seorang sahaja daripada mereka. Siapakah yang akan anda selamatkan? Mengapakah anda membuat pilihan tersebut?

### CARA PELAKSANAAN:

1. Bentukkan beberapa kumpulan kecil.
2. Lima buah stesen diwujudkan di setiap sudut di dalam kelas.
3. Setiap kumpulan perlu menyiapkan tugas yang disediakan di setiap stesen dan bergerak ke stesen seterusnya.
4. Setiap kumpulan diberi masa selama 10 minit untuk menjawab topik yang ditetapkan di setiap stesen.

UNIT 3

**Bentangkan maklumat yang telah dikumpulkan dari setiap stesen secara kreatif.**



## NILAI UNIVERSAL

Senaraikan nilai universal yang patut diamalkan dalam setiap situasi di atas.



## PENILAIAN

**A** Baca keratan akhbar di bawah, kemudian jawab soalan yang diberikan.

### Keldai Dadah Ditahan

Seorang wanita rakyat Malaysia telah ditahan di lapangan terbang antarabangsa di sebuah negara jiran kerana disyaki menyeludup dadah. Menurut wanita tersebut, dia ke negara itu kerana dijanjikan pekerjaan dengan gaji yang lumayan. Ketika bertolak ke sana, dia diberikan sebuah beg untuk dihantar kepada seorang pekerja di tempat dia akan bekerja.

1. Pada pendapat anda, bagaimanakah wanita tersebut diadili mengikut prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan?
2. Bincangkan kesan sekiranya wanita tersebut dibebaskan atas dasar prinsip keprihatinan.
3. Jelaskan amalan nilai universal yang patut dipraktikkan supaya anda tidak terlibat dalam situasi ini.
4. Bagaimanakah anda boleh mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan seperti kes ini?

**B** Baca pernyataan di bawah.

Jeeva, seorang pengawas sekolah dan anggota pengakap yang patuh pada peraturan. Dia terpilih untuk menghadiri jambori pengakap pada peringkat antarabangsa. Ketika mengikuti jambori tersebut, Jeeva telah keluar dari tapak perkhemahan tanpa kebenaran pihak penganjur. Apabila diketahui oleh pihak penganjur, Jeeva tidak dibenarkan meneruskan aktiviti dalam perkhemahan tersebut.

Wajarkah tindakan pihak penganjur tersebut? Justifikasikan jawapan anda berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.

- C** Secara berkumpulan, lakonkan satu situasi perbicaraan olok-olok (mock trial) di dalam mahkamah yang membincangkan satu kes jenayah.



### Pilih satu kes

- Kes ragut.
- Kes pengedaran dadah.
- Kes kecurian.
- Kes pecah amanah.

### Watak

- Hakim.
- Peguam bela.
- Peguam cara.
- Tertuduh.
- Saksi.
- Polis.
- Media.
- Pencatat.

### Tugas murid


- Penyediaan tempat.
- Pemilihan karakter.
- Skrip perbicaraan kes.
- Pakaian yang sesuai dengan situasi mahkamah.

Dalam perbicaraan tersebut, main peranan sebagai peguam dalam membahaskan kes berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.



## UNIT 4

# PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 5.4.1** Etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.
- 5.4.2** Kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
- 5.4.3** Cara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
- 5.4.4** Kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
- 5.4.5** Perasaan apabila menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
- 5.4.6** Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam kehidupan harian.

.....

**Gambarkan kehidupan anda  
tanpa teknologi maklumat  
dan komunikasi.**

.....



**▶ CADANGAN NILAI**

- Rasional
- Kebebasan
- Harga diri
- Kesederhanaan
- Kerajinan



## KONSEP

Secara umumnya, teknologi maklumat dan komunikasi merupakan sistem yang membolehkan pengumpulan, pengurusan, manipulasi, perolehan dan komunikasi maklumat dalam pelbagai bentuk. Teknologi maklumat dan komunikasi ini patut digunakan secara beretika.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Antara etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi termasuklah perkara seperti yang berikut:



Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika juga sangat penting bagi memudahkan urusan kehidupan harian. Terdapat beberapa kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.

## **KEPENTINGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA**

### **Meningkatkan Kualiti Pendidikan**

- Mengubah cara pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berinovasi.
- Menjimatkan masa dan wang.
- Mampu menarik minat murid.

- Perkhidmatan yang lebih mesra pengguna.
- Pengguna tidak perlu bersesak-sesak di kaunter.
- Terdapat pelbagai pilihan transaksi dalam talian.

### **Mempelbagaikan Perkhidmatan dalam Talian**

### **Meningkatkan Hubungan Sosial**

- Memudahkan komunikasi secara maya dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia.
- Mengeratkan hubungan.
- Mewujudkan jaringan berasaskan bidang.

- Menyediakan peluang perniagaan dan perkhidmatan.
- Barangan atau perkhidmatan boleh dipromosikan dengan meluas.
- Penjualan dan pembelian boleh dibuat secara dalam talian.

### **Menjanakan Ekonomi**

### **Perkongsian Maklumat**

- Pelbagai maklumat dapat diperoleh dengan mudah.
- Kerja penyelidikan dan pembelajaran dapat dibuat dengan lebih sistematik.
- Maklumat terkini dalam pelbagai bidang dapat disebar luas secara menyeluruh.

- Pelbagai kos seperti kos panggilan telefon dan pengangkutan dapat dijitamkan.
- Perbincangan atau mesyuarat dapat diadakan secara telesidang.
- Penggunaan sumber tenaga manusia dapat diminimumkan.

### **Menjimatkan Kos dan Masa**

Teknologi maklumat dan komunikasi hendaklah dimanfaatkan dengan sebaik-baik mungkin oleh semua pihak. Penggunaannya perlulah dibuat secara beretika seperti contoh di bawah.

## **CONTOH PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA**



### **Penggunaan Akaun E-mel**

- Merahsiakan nama pengguna dan kata laluan daripada pengetahuan orang lain.
- Tidak memalsukan maklumat diri dalam pendaftaran e-mel.
- Menggunakan e-mel dengan bijak dan berhati-hati.

### **Penggunaan Pengiklanan**

- Mengiklankan barangan dan perkhidmatan yang tidak menyalahi undang-undang dan norma masyarakat.
- Berintegriti bagi memastikan pengguna tidak berasa tertipu.
- Bersaing secara sihat dengan tidak memburukkan barangan dan perkhidmatan orang lain.



### **Memuat Turun dan Memuat Naik**

- Mendapat kebenaran yang sah daripada pemiliknya.
- Tidak memuat turun dan memuat naik bahan negatif.
- Tidak memuat turun dan memuat naik perisian tidak berlesen.






Pengabaian dalam mematuhi etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi akan mengundang pelbagai masalah. Terdapat beberapa kesan jika etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini diabaikan.

## **KESAN PENGABAIAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA**



### **Ketidaktepatan Maklumat**

- Mengelirukan orang lain.
- Menimbulkan fitnah.
- Mengaibkan orang lain.




### **Isu Keselamatan**

- Risiko data peribadi digodam.
- Terdedah kepada buli siber.
- Ancaman keselamatan diri, keluarga dan harta benda.



### **Serangan Pelbagai Virus**

- Menjejaskan sistem komputer.
- Mengganggu penggunaan harian dalam teknologi maklumat dan telekomunikasi.
- Melumpuhkan operasi sesebuah organisasi.



### **Terdedah kepada Bahan Negatif**

- Mempengaruhi pemikiran murid.
- Mendorong perlakuan yang tidak diinginkan.
- Meningkatkan gejala sosial.



### **Ketagihan Penggunaan**

- Pembaziran masa.
- Mengganggu tugas harian.
- Menjejaskan masa berkualiti bersama-sama dengan keluarga.

Semua pihak perlu bertanggungjawab untuk menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika. Penggunaan secara beretika akan memberikan kebaikan bukan sahaja kepada diri sendiri, malah keluarga dan negara.

Kebebasan yang diperoleh dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi mempunyai batas tertentu dan etika yang perlu dipatuhi.

Penilaian terhadap maklumat yang diperoleh patut dibuat secara rasional agar setiap tindakan yang diambil adalah betul.



Menjauhkan diri daripada sebarang jenayah siber ketika menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.

Penggunaan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi secara sederhana akan mengelakkan individu daripada terasing dalam kalangan masyarakat.



Kita akan berasa gembira dan bangga apabila menjadi pengguna yang bijak dan penuh beretika ketika menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi.






## PENGUKUHAN


- A** Teliti maklumat berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Salah satu kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi adalah untuk murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Mereka boleh melayari laman sesawang yang disediakan untuk membuat permohonan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.


# PERMOHONAN UPU ONLINE




UNIVERSITI AWAM (UA)




INSTITUSI LATIHAN  
KEMAHIRAN AWAM (ILKA)



POLITEKNIK



KOLEJ KOMUNITI



1. Senaraikan etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi jika anda melengkapkan permohonan melalui laman sesawang tersebut.
2. Jelaskan kepentingan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika ketika anda melayari laman sesawang tersebut.


- B** Huraikan cara lain penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika untuk bidang pendidikan. Kemudian, kemukakan contoh yang sesuai.



### DIMENSI MORAL

Bagaimanakah anda menggunakan penaakulan moral dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika?


**C** Cari penyelesaian isu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi berikut.



Apakah tindakan anda sekiranya mendapat mesej seperti yang di atas? Jelaskan.

**ISU 2**

Olivia mengiklankan produk kosmetik melalui laman sosialnya. Dia telah menerima pelbagai mesej daripada pelanggan yang bertanyakan tentang produknya itu. Olivia melayan setiap pertanyaan pelanggannya dengan baik. Namun demikian, setelah lama bersola jawab, seorang pelanggan Olivia telah mengubah topik perbualan kepada perbualan berunsur lucah dan seksual.



Wajarkah Olivia melayan sikap pelanggan tersebut? Jelaskan.

### ISU 3



Kelvin menerima e-mel yang menyerupai laman sesawang bank yang memintanya untuk mengemas kini maklumat akaun. Tanpa rasa ragu-ragu, Kelvin terus mengemas kini maklumat peribadi perbankannya. Beberapa hari kemudian, pihak bank menghubungi Kelvin untuk mengesahkan pengeluaran sejumlah besar wang yang telah dibuatnya.

Anda telah menerima e-mel seperti situasi di atas. Apakah yang harus anda lakukan?

Berdasarkan semua isu di atas, bincangkan perkara berikut:

1. Etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang patut anda amalkan.
2. Kesan pengabaian penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.

**D Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang tidak beretika turut menjadi punca berlakunya buli siber. Dapatkan maklumat lanjut tentang buli siber dan bentangkannya di dalam kelas.**



Langkah Pencegahan Buli Siber.  
[myhealth.gov.my/cyberbullying](http://myhealth.gov.my/cyberbullying)  
(Dicapai pada 29 April 2019)

### ISU 4

Gopi telah dituduh menyebarkan gambar pornografi melalui laman sosial. Akibatnya, Gopi dimarahi oleh rakan-rakannya kerana mereka menerima gambar tersebut melalui akaun laman sosial masing-masing. Gopi berasa terkejut kerana dia tidak pernah melakukan perbuatan tersebut. Perbuatan itu berlaku di luar pengetahuannya.



Jelaskan perasaan anda sekiranya berada dalam situasi Gopi. Apakah perlakuan moral yang patut diamalkan oleh Gopi?




#### DIMENSI MORAL

Bagaimanakah anda menggunakan emosi moral untuk menangani semua isu di atas?



## PENGAYAAN

- A** Teliti paparan berikut. Bincangkan trend mengemas kini status melalui aplikasi dan laman sosial pada masa kini.



1. Adakah anda bersetuju dengan trend di atas? Berikan justifikasi anda.
2. Ramalkan implikasi dari segi keselamatan sekiranya trend ini berterusan.

- B** Secara berkumpulan, ceritakan pengalaman anda apabila menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kehidupan harian. Dengan menggunakan teknik Giliran Robin (Rally Robin), berikan respons anda terhadap cerita rakan dalam kumpulan anda.



## DIMENSI MORAL

Sejauh manakah anda menggunakan penaakulan moral apabila menerima sesuatu berita yang ditularkan?

- C** Secara berkumpulan, hasilkan brosur tentang hak cipta yang mengandungi maklumat seperti yang di bawah. Kemudian, banyakkkan brosur tersebut untuk diedarkan kepada murid lain sebagai usaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.

1.	Apakah hak cipta?
2.	Karya di bawah perlindungan hak cipta.
3.	Hak moral bagi pencipta karya di bawah perlindungan hak cipta.
4.	Tempoh perlindungan hak cipta di Malaysia.
5.	Kepentingan menghormati hak cipta dalam dunia digital.

- D** Berdasarkan situasi di bawah, bincangkan soalan yang diberikan.

Anda dan rakan-rakan sedang menonton sebuah filem terbaharu di pawagam. Sambil menonton, anda telah merakam filem tersebut dengan menggunakan telefon pintar. Apabila pulang ke rumah, anda memuat naik rakaman tersebut melalui laman sosial dan menularkannya.

1. Adakah tindakan memuat naik rakaman tersebut merupakan salah satu pelanggaran hak cipta? Jelaskan.
2. Jelaskan tindakan yang boleh diambil oleh pemunya karya filem tersebut dalam mengawal hak karyanya daripada dieksploitasi tanpa kebenaran.
3. Ramalkan kesan daripada tindakan anda terhadap pemilik hak cipta filem tersebut.



## INFO TAMBAHAN

### HAK CIPTA

Hak cipta merupakan suatu hak eksklusif bagi seseorang pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka.

Karya yang dilindungi

- karya sastera
- karya muzik
- karya seni
- filem
- rakaman bunyi
- siaran
- karya terbitan

(Sumber: [www.myipo.gov.my](http://www.myipo.gov.my))



## NILAI UNIVERSAL

Bagaimanakah amalan nilai universal dapat membantu seseorang individu menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika?

Mengapakah pelanggaran hak cipta dianggap menyalahi etika penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi?




Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).  
[myipo.gov.my/ms/start](http://myipo.gov.my/ms/start)  
 (Dicapai pada 22 Mac 2019)



## PEMULIHAN

- A** Lihat contoh penggunaan aplikasi panggilan video di bawah yang merupakan salah satu bentuk komunikasi pada masa kini.



Sejauh manakah anda bersetuju dengan aplikasi panggilan video dalam kehidupan harian?

Adakah anda bersetuju dengan tindakan di bawah? Berikan alasan anda.

Bil.	Tindakan
1.	Saya akan membuat panggilan tanpa pengetahuan sesiapa.
2.	Saya akan menggunakan bahasa yang sopan ketika berinteraksi.
3.	Saya tidak akan menunjukkan sebarang tingkah laku negatif.
4.	Saya akan membuat panggilan video kepada orang yang dikenali sahaja.
5.	Saya lebih berkeyakinan apabila berinteraksi menggunakan aplikasi panggilan video.


- B** Buat simulasi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika melalui panggilan video bersama-sama dengan rakan anda.





## PENILAIAN


- A** Teliti maklumat berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam urusan pembelian dalam talian di bawah.



1. Bincangkan tindakan yang patut dilakukan sekiranya anda menjadi mangsa dalam situasi di atas.
2. Ramalkan kesan lain yang berlaku sekiranya anda mengabaikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika.
3. Bagaimanakah amalan nilai universal mampu meningkatkan kesedaran anda dalam menangani isu di atas?

- B** Bagaimanakah anda memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam membentuk insan bermoral? Bincangkan.

- C** Bincangkan satu program kesedaran tentang penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika dalam kehidupan harian. Kemudian, anjurkan program tersebut.



- D** Sediakan laporan program di atas mengikut kreativiti masing-masing. Kemudian, bentangkannya di dalam kelas dengan menggunakan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi.



## **BIDANG** **JATI DIRI MORAL**

Bidang Jati Diri Moral membincangkan keunikan dan keistimewaan aspek agama, bangsa, budaya dan bahasa yang menjadi teras dan lambang ketinggian peribadi individu dan jati diri bangsa. Bidang tersebut memfokuskan integriti diri dan keluarga, serta unsur perikemanusiaan yang menyumbang ke arah kesejahteraan diri dan masyarakat.



## UNIT 5

# MANTAP INTEGRITI MANTAPLAH JATI DIRI



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 6.1.1 Maksud integriti individu.
- 6.1.2 Kepentingan integriti individu dalam setiap perlakuan.
- 6.1.3 Implikasi perbuatan individu yang tidak berintegriti.
- 6.1.4 Cara individu melaksanakan tanggungjawab yang berintegriti seperti dituntut oleh agama atau kepercayaan.
- 6.1.5 Perasaan apabila mengamalkan integriti individu.
- 6.1.6 Amalan integriti individu dalam kehidupan harian.

.....  
**Pernahkah anda berbohong?  
Apakah perasaan anda  
selepas melakukan  
perbuatan tersebut?**  
.....



**▶ CADANGAN NILAI**


- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kejujuran
- Harga diri
- Kerajinan
- Bertanggungjawab



## KONSEP

Amalan integriti dalam kalangan semua lapisan masyarakat memerlukan pegangan hidup yang berakauntabiliti, berwibawa dan patuh pada undang-undang. “Integer” ialah perkataan Latin bagi integriti yang bermaksud menyeluruh, sempurna, tulen dan tidak berubah. Integriti individu merupakan sifat utama yang dapat melahirkan jati diri produktif dan berkualiti dalam setiap perlakuan.

Salah satu elemen keamanan dan keharmonian dalam kehidupan sejagat ialah integriti. Integriti ini boleh mempengaruhi kecemerlangan seseorang dalam pendidikan, kerjaya dan kehidupan harian.



Integriti perlu dipupuk dalam diri setiap individu bagi melahirkan insan yang bertanggungjawab dalam setiap perlakuan. Oleh itu, setiap individu perlu mengetahui kepentingan integriti agar mampu memelihara kemoralan diri dalam setiap tindakan yang diambil. Antara kepentingan amalan integriti individu termasuklah perkara seperti yang di bawah:

### KEPENTINGAN INTEGRITI INDIVIDU



Institut Integriti Malaysia (IIM).  
integriti.my  
(Dicapai pada 15 Disember 2018)

Perbuatan tidak berintegriti oleh seseorang individu bukan sahaja boleh menjejaskan diri sendiri, malah memberikan impak negatif kepada keluarga dan negara. Terdapat beberapa implikasi perbuatan tidak berintegriti seperti yang berikut:

### **IMPLIKASI PERBUATAN INDIVIDU TIDAK BERINTEGRITI**


- Menjatuhkan maruah diri.
- Menghilangkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.
- Menjejaskan masa hadapan.
- Bersikap individualistik.

- Memalukan anggota keluarga.
- Merenggangkan hubungan antara anggota keluarga.
- Dipinggirkan oleh masyarakat.

- Menjejaskan keharmonian negara.
- Mencemarkan nama negara.
- Menjejaskan keyakinan pelabur asing.



Individu yang berintegriti akan berpegang teguh pada prinsip moral, nilai dan etika tanpa mengira keadaan. Setiap agama atau kepercayaan juga menekankan kepentingan pegangan hidup yang berintegriti dalam pembentukan imej diri. Yang berikut merupakan penekanan sikap integriti menurut perspektif agama:



Pemantapan integriti diri perlu sentiasa dipupuk bagi mencapai aspirasi negara, hidup bersatu padu dan sejahtera. Hal ini akan melahirkan perasaan puas hati, gembira dan bersyukur dalam diri setiap individu.



## PENGUKUHAN

**A** Berdasarkan integriti individu, lakukan sumbang saran tentang dilema moral di bawah.

Ravi seorang murid yang baik dan rajin di sekolah. Dia sentiasa membantu rakan-rakannya dalam pelajaran. Rakan baik Ravi, iaitu Thira ingin meniru semasa peperiksaan. Ravi maklum bahawa Thira tidak hadir di sekolah sejak kebelakangan ini disebabkan oleh masalah kesihatan. Dalam situasi ini, apakah tindakan yang patut diambil oleh Ravi? Berikan pandangan anda.

Bah Goli seorang yang amanah. Dia merupakan bendahari Kelab Kewangan di sekolahnya. Suatu hari, adik Bah Goli terlibat dalam kemalangan. Keluarganya memerlukan wang untuk merawat adiknya itu. Dalam keadaan terdesak, Bah Goli telah menggunakan duit kelab. Pada penghujung bulan, Bah Goli memulangkan wang tersebut. Patutkah tindakan Bah Goli itu? Berikan justifikasi anda.

Dylan seorang ketua pengawas sekolah yang jujur dan bertanggungjawab. Suatu hari, Dylan ditugaskan oleh guru disiplin untuk membuat pemeriksaan di setiap kelas. Semasa membuat pemeriksaan tersebut, Dylan mendapati rakan karibnya telah membawa barang terlarang ke sekolah. Rakannya merayu agar Dylan tidak merampas barang terlarang tersebut dan berjanji tidak akan mengulangi perkara itu lagi. Jika anda Dylan, apakah tindakan bermoral anda? Mengapa?

## UNIT 5



### DIMENSI MORAL

Bagaimanakah anda mengurus emosi moral dalam setiap dilema moral yang dinyatakan?



### NILAI UNIVERSAL

Apabila keadaan mendesak anda untuk membuat tindakan tidak berintegriti, apakah nilai universal yang harus ada pada diri anda untuk mengelakkannya? Jelaskan.

**B** Secara berkumpulan, bincangkan pengakhiran cerita di bawah dan laksanakan main peranan di hadapan kelas.

Joven seorang graduan yang sedang menganggur. Dia sangat sedih dengan keadaannya. Suatu hari, Joven berjumpa dengan rakan lamanya yang mempunyai sebuah syarikat. Dia memberi Joven peluang untuk bekerja di syarikatnya.



Joven sangat bersyukur dan melaksanakan tugasnya dengan penuh tanggungjawab. Sebagai penyelia syarikat, Joven menjadi contoh kepada pekerja bawahannya.

Walau bagaimanapun, setelah dinaikkan pangkat, Joven mula mengambil kesempatan dalam pekerjaannya. Dia mula datang lewat, tidak menjalankan tugas dengan baik dan sentiasa mengambil cuti.



**Apakah pengakhiran cerita ini?**

1. Berikan justifikasi pengakhiran cerita anda.
2. Jika anda Joven, huraikan nilai yang sepatutnya anda amalkan.



## REFLEKSI

Individu yang berintegriti sentiasa menghadapi cabaran dalam menuju kejayaan. Setujukah anda dengan pernyataan ini? Berikan pandangan anda.

**5**  
UNIT



## PENGAYAAN

**A** Laksanakan forum yang bertajuk “Integriti Individu dalam Kerjaya”.



Secara berkumpulan:

1. Berikan rumusan tentang kandungan forum di atas.
2. Bincangkan cara integriti individu yang telah anda amalkan dalam kehidupan harian.

## UNIT 5



## DILEMA MORAL

Anda seorang pekerja yang amanah dan jujur di sebuah syarikat. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian pekerja yang melakukan perbuatan tidak berintegriti. Mereka pula dipuji dan dinaikkan pangkat oleh majikan. Hal ini sudah menjadi kebiasaan bagi syarikat tersebut. Rakan anda juga terikut-ikut dengan perbuatan tidak baik tersebut dan cuba mempengaruhi anda. Apakah tindakan yang patut anda ambil? Justifikasikan tindakan anda.

**B** Buat pemerhatian di lokasi sekolah seperti contoh di bawah.



Koperasi.



Kantin.



Pusat sumber.



Kelas.

1. Kongsi pengalaman anda jika pernah terlihat integriti diabaikan di lokasi seperti yang di atas. Jelaskan implikasi pengabaian moral tersebut.
2. Sejauh manakah anda mengamalkan integriti di semua tempat ini?



## NILAI UNIVERSAL

Berdasarkan pemerhatian anda, bincangkan nilai universal yang anda amalkan untuk menjamin integriti di lokasi seperti yang di atas.

Tidak menepati masa menjadi cabaran integriti generasi abad ke-21. Jelaskan pandangan anda.



UNIT 5



## PEMULIHAN

- A** Secara berpasangan, hasilkan poster 3D yang mengandungi kata-kata hikmat dengan menggunakan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi.



- B** Promosikan hasil poster tersebut di Sudut Pidato sekolah.

Jelaskan perasaan anda apabila berjaya mempromosikan poster tersebut dengan berintegriti.



## DILEMA MORAL

Seorang guru telah memberikan tugas kepada kelas anda. Ketika menyiapkan tugas tersebut, anda ternampak rakan anda memuat turun pelbagai bahan tanpa mengambil kira hak cipta bahan tersebut. Dia memaklumkan bahawa semua bahan tersebut merupakan hak miliknya. Patutkah anda melaporkan perbuatan rakan anda itu kepada guru? Berikan justifikasi anda.

Apakah implikasi jika perbuatan tidak berintegriti semakin menular dalam kalangan murid? Huraikan.



**C** Secara berkumpulan, jawab soalan kuiz di bawah yang dilaksanakan dalam bentuk permainan.

Kumpulan akan mendapat 10 markah jika jawapan betul dan hilang lima markah jika jawapan salah. Aktiviti diteruskan sehingga tamat.


Kumpulan yang membunyikan loceng dahulu akan menjawab soalan yang dipaparkan.

Soalan kuiz dipaparkan dengan menggunakan perisian multimedia.

Sediakan loceng untuk setiap kumpulan.

Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.

**CARA PELAKSANAAN:**



Contoh Soalan Kuiz.



## PENILAIAN

- A** Teliti maklumat di bawah yang berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

### SEKSYEN 9

9. (1) Jika seseorang dapat masuk atau membantu seseorang lain supaya dapat masuk ke suatu tempat larangan selain tempat masuk yang dibenarkan atau bagi maksud mendapat masuk, atau bagi membantu seseorang lain supaya dapat masuk, ke suatu tempat larangan, atau bagi apa-apa maksud lain yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia—

(a) menggunakan atau memakai, tanpa kuasa yang sah, apa-apa pakaian seragam tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau pakaian seragam rasmi yang lain atau apa-apa pakaian seragam yang hampir serupa dengannya sehingga mungkin memperdayakan, atau dengan palsu mengemukakan dirinya sebagai seorang yang berhak atau telah berhak menggunakan atau memakai mana-mana pakaian seragam itu;

(Sumber: Akta Rahsia Rasmi, 1972)

1. Berdasarkan akta di atas, senaraikan contoh perbuatan yang boleh dikenakan hukuman di bawah akta tersebut.
2. Apakah perkara yang akan berlaku jika undang-undang seperti yang di atas tidak diamalkan secara tegas di sesebuah negara? Huraikan.
3. Bagaimanakah ajaran agama atau kepercayaan memainkan peranan dalam pembentukan integriti individu?

- B** Baca maklumat di bawah yang berkaitan dengan usaha kerajaan untuk memartabatkan integriti di Malaysia.

#### Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023

Usaha tersebut menunjukkan kepentingan amalan sikap amanah dalam kehidupan harian. Huraikan implikasi yang akan berlaku jika usaha kerajaan tersebut diabaikan oleh individu.

#### INFO TAMBAHAN



Pelan Antirasuah Nasional (NCP) merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

(Sumber: Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, Jabatan Perdana Menteri)



- C** Secara individu, hasilkan penulisan artikel pendek bertajuk “Plagiarisme Amalan Tidak Berintegriti”.

**CARA PELAKSANAAN:**

1. Setiap artikel perlu mengandungi perkara seperti yang berikut:



2. Nyatakan sumber rujukan penulisan artikel tersebut.
3. Artikel terbaik akan dipilih untuk disiarkan dalam majalah atau buletin sekolah.



## UNIT 6

# KELUARGA BERINTEGRITI KELUARGA DISEGANI



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 6.2.1 Ciri integriti keluarga.
- 6.2.2 Contoh integriti keluarga.
- 6.2.3 Cara memupuk integriti keluarga.
- 6.2.4 Implikasi perbuatan yang tidak berintegriti terhadap keluarga.
- 6.2.5 Perasaan apabila mengamalkan integriti keluarga.
- 6.2.6 Amalan integriti keluarga demi keharmonian hidup.

Sejauh manakah kejujuran  
anda terhadap anggota  
keluarga anda?



**CADANGAN NILAI**

- Kasih sayang
- Hormat
- Toleransi
- Kerjasama
- Harga diri

Keluarga ialah unit asas yang berkait rapat dengan integriti dalam membentuk sikap dan perlakuan mulia setiap anggotanya. Integriti keluarga bermaksud pembinaan keluarga yang bahagia, utuh dan penyayang berlandaskan nilai murni. Didikan keluarga menjadi asas kukuh dalam mengikat anggota keluarga supaya tidak terpesong daripada nilai dan norma masyarakat. Integriti keluarga ini mempunyai beberapa ciri yang tertentu.



Yang berikut ialah contoh integriti keluarga:

**CONTOH INTEGRITI KELUARGA**

**Menjadikan pegangan agama sebagai asas yang kukuh dalam pembinaan keluarga**

- Ajaran agama dipupuk dalam setiap perlakuan.
- Sentiasa jujur terhadap anggota keluarga.

**Menjaga kerahsiaan keluarga**

- Tidak menceritakan masalah yang berlaku dalam keluarga kepada orang luar kecuali kepada pihak tertentu.
- Tidak membuka rahsia keluarga kecuali kepada pihak tertentu.

**Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai suami, isteri dan anak-anak**

- Ibu bapa memastikan setiap anggota keluarga melaksanakan kewajipan masing-masing.
- Menasihati anggota keluarga yang gagal menunaikan kewajipan.

**Menunjukkan teladan yang baik kepada anggota keluarga**

- Ibu bapa mengamalkan sikap yang positif dan proaktif.
- Sentiasa berunding dalam menyelesaikan masalah.

**Memupuk perasaan kasih sayang dan hubungan baik dalam keluarga**

- Mengambil tahu tentang anggota keluarga yang sakit atau tidak berupaya dari segi fizikal dan emosi.
- Memafkan kesilapan yang dilakukan oleh anggota keluarga.

**Mendidik anak-anak untuk menyayangi, menghormati dan menjaga warga tua**

- Menghargai sumbangan warga tua kepada keluarga.
- Menjaga kebajikan dan keperluan warga tua.

**Menghentikan pertelingkahan antara anggota keluarga secara adil**

- Mengambil berat tentang perasaan anggota keluarga dalam setiap tindakan.
- Tidak memalukan anggota keluarga di hadapan orang lain.

Terdapat beberapa cara untuk menerapkan sikap integriti dalam kalangan anggota keluarga. Antaranya termasuklah cara seperti yang di bawah:

**CARA MEMUPUK INTEGRITI KELUARGA**

**Memberikan penghargaan kepada anggota keluarga**

- Ketika meraikan hari istimewa keluarga.
- Ketika mendapat kejayaan.

**Memberikan layanan adil terhadap anggota keluarga**

- Tidak pilih kasih.
- Bersabar dengan kerenh anggota keluarga.

**Menyayangi dan menghormati anggota keluarga**

- Mendengar pendapat anggota keluarga.
- Menyediakan keperluan harian.

**Mempunyai kemahiran keibubapaan yang baik**

- Menjadi suri teladan yang baik.
- Meluangkan masa berkualiti dengan anggota keluarga.

Pelbagai kesan yang boleh menjejaskan keharmonian keluarga akan berlaku jika integriti keluarga tidak dijaga. Antaranya termasuklah implikasi perbuatan tidak berintegriti terhadap anggota keluarga seperti yang berikut:

### **IMPLIKASI PERBUATAN TIDAK BERINTEGRITI TERHADAP ANGGOTA KELUARGA**

#### **Kerosakan akhlak dalam kalangan anggota keluarga**

- Tidak menghormati anggota keluarga.
- Menjatuhkan imej keluarga.

#### **Meruntuhkan institusi kekeluargaan**

- Perceraian.
- Perpecahan dalam keluarga.

#### **Diskriminasi dalam keluarga**

- Perselisihan faham dalam keluarga.
- Pilih kasih dalam keluarga.


#### **Penglibatan anggota keluarga dalam gejala sosial**

- Gejala lari dari rumah.
- Penyalahgunaan dadah.

#### **Rumah tangga porak-peranda**

- Keluarga tidak harmoni.
- Prestasi diri terjejas.

Amalan integriti perlu sentiasa dipupuk dalam kalangan anggota keluarga supaya tingkah laku mulia dapat dibentuk untuk mewujudkan suasana harmoni.



Setiap anggota keluarga perlu mempunyai sikap integriti sebagai jati diri demi kebahagiaan keluarga. Anggota keluarga yang berintegriti akan sentiasa gembira dan aman serta dapat melahirkan masyarakat yang sejahtera.



## PENGUKUHAN

**A** Laksanakan aktiviti *circle time* dalam memupuk integriti keluarga dengan merujuk situasi di bawah.

1

Param menceritakan perselisihan faham yang berlaku antara abang dengan ayahnya kepada anda. Berikan pendapat anda tentang perbuatan Param tersebut.

2

Margaret sentiasa bersabar dengan kerenh adiknya yang suka mengganggu ketika dia belajar. Apakah tindakan anda jika berada dalam situasi ini?

3

Anggota keluarga Thomas tidak menghiraukan keadaan nenek mereka yang sakit. Jelaskan perasaan anda apabila berada dalam situasi ini.

4

Ibu bapa Yan Qi sentiasa bergaduh di hadapan anak-anak mereka. Ramalkan implikasinya kepada Yan Qi.

5

Adik selalu berbohong kepada ibu dan menghabiskan masa dengan permainan komputer. Nyatakan kesan tindakannya itu.

6

Kakak berkelakuan kasar dan tidak menghormati datuk. Ramalkan implikasi perbuatannya.





7  
Kakak Daljit menipu ibu bapanya dan keluar dengan rakan-rakannya ke pusat beli-belah. Apakah tindakan Daljit?

8  
Abang anda tidak diberikan sebarang tanggungjawab dalam keluarga kerana sedang belajar di universiti. Jelaskan pandangan anda berdasarkan aspek integriti dalam keluarga.

9  
Sumber pendapatan keluarga anda tidak mencukupi. Ibu menghadapi masalah untuk menyediakan keperluan harian. Bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengurangkan bebanan ini?

10  
Bryan tidak memulangkan baki wang apabila ibunya meminta Bryan membeli barang di kedai. Wajarkah tindakan Bryan?


11  
Amutha sentiasa dibantu oleh kakaknya dalam pelajaran. Bagaimanakah Amutha menunjukkan penghargaan terhadap anggota keluarga setelah mereka membantunya?

12  
Lim bosan dengan perbuatan neneknya yang suka menegur setiap tindakannya. Apakah tindakan anda jika berada dalam situasi Lim?

 **NILAI UNIVERSAL**  
Sejauh manakah amalan nilai universal dapat menerapkan integriti dalam keluarga?

**Berikan rumusan tentang aktiviti di atas dengan menyatakan amalan integriti yang anda amalkan dalam keluarga.**

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan integriti keluarga. Bincangkan.



Circle time.

**B** Lihat rajah di bawah, kemudian adakan perbincangan tentang gaya keibubapaan dalam pembentukan integriti keluarga.



(Sumber: *The Journal of Early Adolescence*, 1991)

1. Jelaskan gaya keibubapaan yang digunakan dalam keluarga anda.
2. Sekiranya anda sudah berkeluarga, gaya keibubapaan manakah yang menjadi pilihan anda? Mengapa?
3. Mengapakah gaya keibubapaan sangat penting dalam pembentukan amalan berintegriti dalam keluarga?



**DIMENSI MORAL**

Anak menjadi “tuan” merupakan gaya keibubapaan sekarang yang selalu melayani kehendak anak-anak. Ibu bapa suka memenuhi permintaan anak-anak dengan barangan mewah. Mereka tidak mahu anak-anak berasa kecewa jika permintaan tidak ditunaikan. Wajarkah gaya keibubapaan sebegini diteruskan? Bincangkan dengan menggunakan dimensi moral.




**REFLEKSI**

Pertelingkahan antara keluarga menyebabkan integriti keluarga terjejas. Adakah keluarga anda menghadapi situasi tersebut? Bincangkan.



## PENGAYAAN

A Fahami gambar bersiri di bawah.



Secara berkumpulan:

1. Analisis gambar bersiri di atas.
2. Kenal pasti cara membantu anggota keluarga tersebut.
3. Ramalkan kesan sekiranya perkara ini dibiarkan.




### NILAI UNIVERSAL

Jelaskan amalan nilai universal yang patut dipraktikkan ketika berada di institusi pengajian tinggi supaya integriti keluarga dapat dijaga.

Integriti keluarga penting untuk memperkukuh institusi kekeluargaan. Bincangkan.



**B** Teliti peta pemikiran di bawah, kemudian bincangkan konflik keluarga yang berlaku pada masa kini.



1. Jelaskan ciri integriti yang patut diamalkan oleh keluarga yang sedang berkonflik.
2. Bagaimanakah anda dapat membantu mengatasi konflik dalam keluarga?

**NILAI UNIVERSAL**

Amalan nilai seperti toleransi dan kerjasama dapat mengelakkan konflik keluarga. Bincangkan.

Pada pandangan anda, adakah sikap berdiam diri merupakan satu sikap berintegriti dalam menyelesaikan konflik keluarga? Jelaskan.



## PEMULIHAN

**A** Secara berkumpulan, laksanakan aktiviti main peranan bagi setiap situasi di bawah.

**SITUASI 1** Argon menasihati adiknya, Linda supaya sentiasa menjaga integriti keluarga ketika berada di luar rumah.

**SITUASI 2** Ayah sering pulang lewat dan tidak dapat makan bersama-sama dengan keluarga. Anda mengharapkan ayah dapat makan dan meluangkan masa bersama-sama dengan keluarga.

**SITUASI 3** Perlakuan adik yang tidak beradab dalam majlis perkahwinan sepupu menyebabkan kami sekeluarga berasa malu. Ibu menasihati adik atas kelakuannya itu.

**SITUASI 4** Meena sentiasa berbincang dengan anggota keluarga apabila ingin membuat sesuatu keputusan yang penting.

1. Bincangkan integriti keluarga mengikut situasi di atas.
2. Jelaskan perasaan anda apabila dapat memulihkan ketegangan yang berlaku dalam kalangan anggota keluarga.



### DIMENSI MORAL

Bagaimanakah anda mengurus emosi moral apabila berhadapan dengan perbuatan tidak berintegriti dalam keluarga?

Perebutan harta dalam kalangan anggota keluarga boleh menghakis integriti kekeluargaan. Berikan justifikasi anda.




Dasar Keluarga Negara.



**PENILAIAN**

**A** Teliti kitaran hidup seorang individu dalam membentuk anggota keluarga yang berintegriti.



1. Cerakinkan amalan integriti keluarga dalam kitaran hidup di atas.
2. Ramalkan implikasi perbuatan yang tidak berintegriti jika ibu bapa gagal melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga.
3. Cadangkan cara melaksanakan tanggungjawab terhadap ibu bapa supaya amalan integriti dapat diamalkan secara berterusan dalam keluarga.

**B** Desakan hidup boleh menyebabkan integriti keluarga tergadai. Bincangkan pernyataan ini.

**C** Secara individu, hasilkan satu folio aktiviti keluarga anda. Folio tersebut boleh menjadi kenangan manis dan memberikan pengajaran dalam membentuk diri anda sebagai anggota keluarga yang berintegriti.

Yang berikut ialah beberapa contoh aktiviti bersama-sama dengan anggota keluarga:

Ayah sentiasa memastikan keselamatan kami sekeluarga ketika beriadah di tepi pantai. Kami sama-sama menjaga keselamatan anggota keluarga yang lain.



Saya dan anggota keluarga suka meluangkan masa dengan menjaga pokok bunga. Kasih sayang dan hubungan kami bertambah erat dengan melakukan aktiviti seumpama ini.



Ibu selalu menyediakan makanan kegemaran kami. Ayah pula memastikan makanan mencukupi untuk setiap anggota keluarga. Sambil makan, kami akan berbincang tentang pelbagai perkara.



Saya sangat gembira kerana nenek menghadiri majlis konvokesyen saya. Nenek sangat menyayangi dan mengambil berat tentang kebajikan dan masa hadapan saya.



**D** Pamerkan hasil folio di Sudut Pendidikan Moral.



## UNIT 7

# BERPERIKEMANUSIAAN MEMBENTUK MASYARAKAT SEJAHTERA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 6.3.1 Maksud perikemanusiaan.
- 6.3.2 Perlakuan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.
- 6.3.3 Kepentingan berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.
- 6.3.4 Kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.
- 6.3.5 Perasaan apabila mengamalkan sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat.
- 6.3.6 Sikap berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat dalam kehidupan harian.



**Bagaimanakah anda mengamalkan sikap berperikemanusiaan dalam membantu golongan yang memerlukan?**



**SUMBANGAN**

**▶ CADANGAN NILAI**

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Baik hati
- Hemah tinggi
- Kasih sayang
- Berterima kasih



## KONSEP

Perikemanusiaan merujuk sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengasihani. Perikemanusiaan berkait rapat dengan tindakan yang berasaskan pemikiran yang rasional terhadap manusia, haiwan dan alam sekitar. Perlakuan berperikemanusiaan dapat membantu membentuk masyarakat yang sejahtera.

Membantu mangsa bencana alam.

Menjaga dan memberikan perlindungan kepada haiwan.

Memberikan bantuan kepada golongan gelandangan.

Memberikan sumbangan kepada orang miskin.

Membantu orang yang memerlukan.

Melayan pekerja dengan baik.

Mengelakkan diri daripada melakukan penderaan.

Mempunyai sikap empati dan simpati dengan jiran.

Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) dengan ikhlas.

Memelihara dan memulihara alam sekitar.

PERLAKUAN  
BERPERIKEMANUSIAAN

Sikap berperikemanusiaan perlu ada pada setiap individu dalam menjalani kehidupan yang sesuai dengan norma masyarakat. Hal ini demikian kerana perlakuan berperikemanusiaan sangat penting dalam kehidupan bermasyarakat. Antara kepentingannya termasuklah perkara seperti yang di bawah:

### Mewujudkan masyarakat yang prihatin dan penyayang

- Anggota komuniti akan saling berinteraksi dan mengambil berat antara satu sama lain.
- Flora dan fauna dihargai dan disayangi.

### Persepakatan dalam masyarakat dapat dikukuhkan

- Anggota masyarakat akan bersatu padu dan bermuafakat dalam semua aspek kehidupan.
- Sikap seperti tolong-menolong, bekerjasama dan baik hati akan wujud ketika membantu orang yang dalam kesusahan.

UNIT 7

## KEPENTINGAN BERPERIKEMANUSIAAN

### Melahirkan masyarakat yang harmoni


- Golongan yang menerima bantuan akan berasa disayangi dan diambil peduli oleh orang sekeliling.
- Tidak ada sikap iri hati dan bersangka buruk terhadap kejayaan orang lain.

### Keselamatan masyarakat terjamin

- Kes jenayah seperti kecurian, penipuan dan penderaan dapat dikurangkan.
- Tidak akan melibatkan diri dalam perkara yang menyalahi undang-undang.

Apabila nilai kemanusiaan diabaikan, manusia terdorong mengambil tindakan negatif. Impaknya boleh menjejaskan kesejahteraan masyarakat.

### KESAN PENGABAIAN SIKAP BERPERIKEMANUSIAAN



#### INFO TAMBAHAN



Perbuatan tidak berperikemanusiaan seperti kes pembuangan bayi boleh disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh bagi memastikan perbuatan tidak berperikemanusiaan menerima hukuman berat. Kes bunuh disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung sampai mati, manakala kes percubaan membunuh disiasat mengikut Seksyen 307 kanun sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun.

[Sumber: Kanun Keseksaan (Akta 574)]

Perlakuan berperikemanusiaan sangat penting dalam kehidupan manusia. Rasa empati, menghargai nyawa, menjaga maruah dan cinta akan keamanan merupakan antara nilai perikemanusiaan yang perlu dihayati dan dihargai oleh setiap individu.



Semua nilai yang membentuk tingkah laku berperikemanusiaan ini akan melahirkan masyarakat yang peka, prihatin dan saling menolong. Secara tidak langsung, perasaan dan sikap positif seperti kasih sayang dan baik hati akan wujud dalam kalangan anggota masyarakat. Seterusnya, kehidupan akan menjadi lebih harmoni dan negara akan menjadi aman serta sejahtera.



## PENGUKUHAN

- A** Baca dan fahami situasi di bawah. Secara berkumpulan, bincangkan soalan yang berkaitan dengan situasi tersebut.



Foto: Persatuan Kechara Soup Kitchen Malaysia

Victor dan rakan-rakannya terlibat dalam penyediaan makanan untuk golongan gelandangan. Pada sebelah malam, mereka akan pergi ke kawasan tumpuan gelandangan untuk mengedarkan makanan dan minuman.

1. Kenal pasti perlakuan berperikemanusiaan yang diamalkan oleh Victor.
2. Jelaskan kebaikan perlakuan berperikemanusiaan yang dilakukan oleh Victor dan rakan-rakannya.
3. Bincangkan pelbagai perlakuan berperikemanusiaan lain yang boleh dilakukan untuk kesejahteraan masyarakat.

### INFO TAMBAHAN



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Anjung Singgah merupakan khidmat bantuan sosial dan intervensi yang diwujudkan untuk membantu golongan gelandangan. Perkhidmatan yang disediakan meliputi tempat penginapan sementara, makan minum, program intervensi kaunseling dan motivasi, pusat rujukan bantuan sosial serta bantuan mendapatkan pekerjaan melalui kerjasama dengan agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan.

(Sumber: Yayasan Kebajikan Negara)




### DIMENSI MORAL

Bagaimanakah anda mengurus emosi moral dalam melakukan amalan berperikemanusiaan terhadap golongan tersebut?

Sejauh manakah golongan gelandangan ini terbelah nasibnya dalam mengharungi kehidupan harian?



**B** Laksanakan sumbang saran berdasarkan tajuk berita di bawah.



1. Kenal pasti perlakuan berperikemanusiaan yang patut ada pada setiap individu bagi mengelakkan perkara tersebut daripada berlaku. Berikan justifikasi anda.
2. Walaupun sudah ada hukuman yang berat, mengapakah sikap tidak berperikemanusiaan ini terus berlaku? Jelaskan.
3. Cadangkan cara untuk meningkatkan kesedaran sikap berperikemanusiaan dalam kalangan masyarakat.
4. Ramalkan kesan sekiranya perlakuan berperikemanusiaan terhadap kanak-kanak terhakis dalam masyarakat.



### DILEMA MORAL

Pada suatu malam, Valent terdengar tangisan dan jeritan seorang kanak-kanak berhampiran dengan rumahnya. Pada masa yang sama, dia juga terdengar suara seorang lelaki dewasa sedang menjerit-jerit dan memarahi kanak-kanak itu. Selang beberapa minit kemudian, jeritan dan tangisan kanak-kanak itu sudah tidak kedengaran. Valent berasa serba salah sama ada hendak pergi menyiasat atau membiarkannya sahaja. Bincangkan dilema ini berdasarkan dimensi moral.



### NILAI UNIVERSAL

Bagaimanakah amalan nilai universal dapat membantu mencegah perlakuan tidak berperikemanusiaan terhadap kanak-kanak?



## PENGAYAAN

- A** Teliti isu kemanusiaan di bawah. Kemudian, bincangkan jawapan bagi setiap isu kemanusiaan tersebut.

### ISU 1

Tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang membuang sisa toksik ke dalam sungai menyebabkan pelbagai hidupan akuatik mati. Selain itu, penduduk setempat turut mengalami masalah kesihatan. Ada yang dimasukkan ke hospital kerana mengalami sesak nafas yang serius. Sejumlah besar kos juga terpaksa dibelanjakan untuk membersihkan sungai tersebut.

Sebagai individu yang berperikemanusiaan, jelaskan tindakan yang patut dilakukan untuk memelihara alam sekitar.

### ISU 2

Sekiranya anda pesakit tersebut, apakah perasaan anda apabila ada pihak yang berperikemanusiaan mahu mendermakan hati? Jelaskan.

“Doktor telah mengesahkan bahawa saya menghadapi masalah kegagalan fungsi hati. Ketika mendapat berita itu, saya membuat keputusan tidak mahu tinggal di hospital. Saya mahu terus belajar dan hidup sihat seperti orang lain sambil mengharapkan ada pihak yang sudi mendermakan hati.”



## ISU 3

Prabu dan rakan-rakannya merupakan pekerja asing di sebuah syarikat pembinaan. Majikan telah memegang pasport mereka dengan alasan untuk memudahkan pengurusan syarikat. Setelah bekerja selama beberapa bulan, Prabu dan rakan-rakannya tidak dibayar gaji. Tempat tinggal yang disediakan pula amat daif dan kesihatan mereka sering diabaikan.

Andaikan anda turut bekerja di situ. Bagaimanakah anda boleh membantu Prabu dan rakan-rakannya untuk menghadapi situasi tersebut?

UNIT 7

## ISU 4

Seorang pemuda OKU datang ke pejabat pos untuk membayar pelbagai bil utiliti. Ketika sampai di pejabat pos, dia mendapati banyak orang sedang berbaris panjang. Dia beratur untuk mendapatkan gilirannya.

Sekiranya anda berada dalam barisan itu, apakah tingkah laku berperikemanusiaan yang patut dilakukan?



### DIMENSI MORAL

Seandainya anda OKU tersebut, apakah perasaan anda apabila orang lain bersikap berperikemanusiaan kepada anda?

Kematangan usia meningkatkan sikap berperikemanusiaan. Bincangkan.

- B** Cari dan kumpulkan maklumat berkaitan dengan perlakuan berperikemanusiaan dalam masyarakat. Bentangkan maklumat tersebut secara kreatif.

**C Baca dan fahami monolog di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.**


Tarvin mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Dia mendapat tawaran ke sekolah berasrama penuh. Dia bercita-cita tinggi untuk mencapai impiannya agar dapat mengubah nasib keluarganya. Oleh sebab kedaifan keluarganya, Tarvin terpaksa mengumpul pelbagai barangan kitar semula. Dia menjual barangan kitar semula tersebut untuk menampung wang yuran pendaftaran sekolah. Pada hari pendaftaran, Tarvin ditemani oleh kakaknya. Dia hanya membawa wang pendaftaran sahaja. Ketika mendaftar, Tarvin baru menyedari bahawa dia perlu membuat bayaran tambahan untuk keperluan lain.



1. Apakah perasaan anda apabila berada dalam situasi Tarvin?
2. Nyatakan perlakuan berperikemanusiaan yang boleh anda lakukan untuk membantu Tarvin.
3. Bagaimanakah tindakan anda dapat memberikan kesan terhadap masa hadapan Tarvin?

**D Baca maklumat yang diberikan.**

Berikan justifikasi tindakan yang patut anda ambil apabila menerima mesej melalui laman sosial seperti ini.



**6.3.2, 6.3.4, 6.3.5, 6.3.6**



## PEMULIHAN

- A** Secara berkumpulan, bincangkan gambar di bawah yang berkaitan dengan isu peminta sedekah dalam kalangan kanak-kanak.

# EKSPLOITASI PENGEMIS CILIK

UNIT 7

### Soalan 1

Pernahkah anda mengalami situasi ini?  
Apakah respons anda?

### Soalan 2

Apakah tindakan yang akan anda ambil?

### Soalan 3

Patutkah perlakuan berperikemanusiaan diamalkan dalam situasi ini? Jelaskan.

**B** Cerita di bawah berkaitan dengan sikap berperikemanusiaan. Cari enam perkataan tersembunyi berkaitan dengan cerita tersebut.



M	E	L	A	P	O	R	K	A	N	S	T	M
C	T	U	G	K	L	N	A	R	Y	A	R	E
M	E	N	Y	E	L	A	M	A	T	K	A	N
I	H	A	W	M	M	K	U	P	A	H	I	Y
H	I	W	M	A	R	B	B	I	H	A	T	E
A	T	A	A	E	S	G	I	D	I	N	A	R
N	A	S	K	K	A	T	A	R	M	I	M	A
T	E	R	A	N	I	A	Y	A	A	A	A	H
P	A	K	G	N	A	R	E	P	R	E	T	K
U	A	R	A	W	A	T	A	N	I	S	K	A
J	R	A	N	I	N	A	S	I	A	T	G	N

**C** Pernahkah anda mengamalkan sikap berperikemanusiaan terhadap haiwan? Kongsikan pengalaman anda.



## PENILAIAN

- A** Baca situasi yang sering berlaku dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

Encik Alam tinggal di sebuah kawasan perumahan. Encik Alam sangat prihatin dengan jiran-jiran sekelilingnya. Dia sering bertegur sapa dengan mereka dan aktif melibatkan diri dalam aktiviti kejiwaan. Walau bagaimanapun, sikap Encik Bono, jiran Encik Alam sangat berbeza. Dia sangat sombong dan mementingkan diri sendiri. Pada suatu hari, rumah Encik Bono telah terbakar. Walaupun Encik Bono sombong dengan jirannya, Encik Alam tetap membantu. Rumah Encik Bono dapat diselamatkan daripada hangus terbakar. Selain itu, jiran-jiran di situ telah mengutip derma bagi meringankan beban yang menimpa Encik Bono. Encik Alam turut menjemput Encik Bono tinggal di rumahnya sehingga kerja pembersihan rumah Encik Bono selesai.



1. Jelaskan maksud berperikemanusiaan dalam situasi ini.
2. Ramalkan kesan sekiranya berlaku pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap mangsa dalam situasi tersebut.
3. Bagaimanakah sikap berperikemanusiaan dapat membentuk kesejahteraan masyarakat?
4. Jelaskan nilai universal yang berupaya membentuk masyarakat yang berperikemanusiaan dalam kehidupan harian.

- B** Terdapat segolongan masyarakat yang menyamar bagi meraih simpati dengan mengambil kesempatan atas sikap berperikemanusiaan orang lain. Sejauh manakah situasi tersebut boleh menggugat sikap berperikemanusiaan anda dalam kehidupan harian?

**C** Terdapat banyak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berfungsi melaksanakan aktiviti kemanusiaan. Kenal pasti pertubuhan tersebut. Kemudian, kumpul pelbagai maklumat berkaitan dengan pertubuhan tersebut.



Persatuan Kebajikan Kemanusiaan Antarabangsa.  
peka.net.my  
(Dicapai pada 8 Januari 2019)



Persatuan Haiwan Malaysia.  
animalmalaysia.com  
(Dicapai pada 8 Januari 2019)



Persatuan Kechara Soup Kitchen Malaysia.  
kechara.com/soup-kitchen  
(Dicapai pada 8 Januari 2019)



Persatuan Aktivist Sahabat Alam - KUASA.  
kuasaperak.org  
(Dicapai pada 8 Januari 2019)

**D** Berdasarkan maklumat tersebut, adakan pameran mini yang melibatkan murid di sekolah anda. Berikan pendedahan tentang aktiviti yang melibatkan perlakuan berperikemanusiaan yang boleh disertai oleh mereka bersama-sama dengan sukarelawan NGO.



# **BIDANG** **7** **MORAL DAN KENEGARAAN**

Bidang Moral dan Kenegaraan menghubungkan konsep moral dengan kenegaraan dalam kehidupan bermasyarakat. Bidang tersebut membincangkan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara yang mengamalkan perpaduan, menguruskan perbelanjaan secara beretika serta berbangga sebagai rakyat Malaysia dalam mengekalkan keunikan dan kedaulatan negara.



## UNIT 8

# HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARGANEGARA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 7.1.1** Hak dan tanggungjawab sebagai warganegara berlandaskan Perlembagaan Malaysia.
- 7.1.2** Kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 7.1.3** Kesan pengabaian hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 7.1.4** Batasan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 7.1.5** Perasaan apabila mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai warganegara.
- 7.1.6** Amalan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara dalam kehidupan harian.



Adakah anda tahu hak dan tanggungjawab anda sebagai warganegara Malaysia?



**CADANGAN NILAI**

- Bertanggungjawab
- Patriotisme
- Berterima kasih
- Kebebasan
- Berdikari



## KONSEP

Setiap warganegara mempunyai hak dan tanggungjawab masing-masing. Hak ialah kuasa atas sesuatu atau kuasa melakukan sesuatu yang ditentukan mengikut peraturan dan undang-undang negara. Tanggungjawab pula merupakan kesanggupan warganegara untuk melaksanakan tugas serta kewajipan dalam menjaga kedaulatan negara. Hak dan tanggungjawab ini turut dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

## HAK DAN TANGGUNGJAWAB

### Perkara 5 Kebebasan diri

- (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.

#### Tanggungjawab

Memelihara diri sendiri dan nyawa orang lain kecuali mengikut undang-undang.

### Perkara 6 Keabdian dan kerja paksa dilarang

- (2) Segala bentuk kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud-maksud negara.

#### Tanggungjawab

Tidak menindas golongan pekerja dengan memberikan layanan adil kepada semua pihak.

### Perkara 13 Hak terhadap harta

- (1) Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.

#### Tanggungjawab

Bertanggungjawab untuk membuat pengisytiharan harta dan membayar cukai.

## SEBAGAI WARGANEGARA

### Perkara 8 Kesamarataan

- (I) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang.

#### Tanggungjawab

Tidak bersikap diskriminasi kepada mana-mana pihak atas alasan kaum, agama atau jantina.

### Perkara 10 Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

- (I) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) –  
(a) Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;

#### Tanggungjawab

Mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa sebelum mengadakan perhimpunan.

(Sumber: Perlembagaan Persekutuan)



Perlembagaan Persekutuan.

Hak yang diperuntukkan kepada setiap warganegara mengikut perlembagaan wajar dipatuhi. Begitu juga tanggungjawab kepada negara. Hal ini penting bagi memastikan setiap warganegara melaksanakan hak dan tanggungjawab masing-masing. Antara kepentingan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara termasuklah perkara seperti yang di bawah:

### **KEPENTINGAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGANEGARA**

#### **HAK**

- Mewujudkan kemakmuran dan keamanan dalam kehidupan sejagat.
- Mengelakkan perselisihan faham antara kaum.
- Merapatkan jurang antara kaum.
- Mengelakkan diskriminasi yang boleh berlaku kerana perbezaan agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- Meningkatkan taraf hidup sosial.
- Menjamin kebebasan hak asasi warganegara.

#### **TANGGUNGJAWAB**

- Melestarikan alam sekitar.
- Membangunkan dan memartabatkan negara.
- Memastikan dasar kerajaan dapat berjalan dengan lancar.
- Mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara.
- Melicinkan pentadbiran kerajaan dalam semua aspek.
- Membantu pembangunan ekonomi, sosial dan politik yang stabil.

Hak dan tanggungjawab ini perlu dipelihara demi mengekalkan identiti dan jati diri sebagai rakyat Malaysia. Jika berlaku pengabaian hak dan tanggungjawab, maka wujudlah pelbagai kesan kepada diri, masyarakat dan negara.

## **KESAN PENGABAIAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGANEGARA**

### **HAK**

#### **DIRI**

- Tersisih daripada masyarakat.
- Dipandang rendah oleh masyarakat.

#### **MASYARAKAT**

- Berlaku perselisihan faham.
- Mengancam keselamatan.

#### **NEGARA**

- Imej negara tercemar.
- Semangat patriotik akan berkurangan.

### **TANGGUNGJAWAB**

#### **DIRI**

- Hak asasi akan hilang.
- Berlaku diskriminasi kepada diri.

#### **MASYARAKAT**

- Taraf hidup rakyat terjejas.
- Hidup tidak sejahtera.

#### **NEGARA**

- Kestabilan negara tergugat.
- Tadbir urus pentadbiran kucar-kacir.

### **INFO TAMBAHAN**



Bagi memastikan hak individu terpelihara, Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN (AHRD) ditubuhkan sejak 2012 oleh anggota negara ASEAN. Tujuannya adalah untuk memberikan perlindungan hak asasi manusia pada peringkat antarabangsa.

(Sumber: Asean Human Rights Declaration (AHRD) and The Phnom Penh Statement on The Adoption of the AHRD and Its Translation, 2013)

Walau bagaimanapun, hak warganegara tetap ada batasannya agar mana-mana individu tidak mengambil tindakan yang menyalahi Perlembagaan Persekutuan. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, batasan ini perlu dipatuhi agar kesejahteraan rakyat kekal terjamin.

**Perkara 12**  
**Hak berkenaan dengan pendidikan**

Tidak bersikap diskriminasi terhadap sesiapa sahaja dalam mendapatkan pendidikan.

**BATASAN HAK SEBAGAI WARGANEGARA**

**Perkara 9**  
**Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak**

Tidak boleh memasuki mana-mana kawasan yang mengenakan sekatan atas alasan keselamatan dan kesihatan di bawah undang-undang.

**Perkara 10**  
**Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan**

Tidak berhimpun tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Oleh itu, setiap individu perlu mengetahui dan melaksanakan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara di samping batasan yang perlu dipatuhi demi kesejahteraan dan keharmonian diri, masyarakat dan negara. Dengan ini, setiap warganegara akan berasa gembira dan bersyukur kerana dapat hidup dalam sebuah negara yang aman.

Balan, jom kita bantu mangsa banjir.



Saya memang hendak ajak kamu, Lee. Kita akan melaksanakan tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia.





## PENGUKUHAN

- A** Lihat gambar di bawah yang menunjukkan kanak-kanak Orang Asli suku kaum Semai daripada rumpun bangsa Senoi di Malaysia sebagai salah sebuah masyarakat yang mendiami negara ini sejak berabad dahulu. Kedudukan Orang Asli terpelihara di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134).



Foto: Jabatan Kemajuan Orang Asli

Kanak-kanak Orang Asli suku kaum Semai daripada rumpun bangsa Senoi di Pos Sinderut, Sungai Koyan, Kuala Lipis, Pahang.

### CONTOH USAHA KERAJAAN YANG MENJAGA HAK ORANG ASLI BERDASARKAN AKTA ORANG ASLI 1954 (AKTA 134)

- Seksyen 6(2)(iii): Dalam suatu kawasan Orang Asli tiada mana-mana tanah boleh diberi milik, diberi, dipajak atau dilepaskan secara lain kepada orang-orang bukan Orang Asli yang biasanya tinggal dalam kawasan Orang Asli atau kepada mana-mana pengusahaan perdagangan tanpa berunding dengan Pesuruhjaya.
- Seksyen 17(1): Tiada seseorang kanak-kanak Orang Asli boleh dihalang daripada belajar di mana-mana sekolah semata-mata oleh sebab ianya seorang Orang Asli.
- Seksyen 19(1)(a): Mewujudkan perkampungan Orang Asli dalam kawasan Orang Asli dan rizab Orang Asli, jenisnya dan kawalan mengenainya.

1. Cari maklumat tentang hak Orang Asli. Sediakan maklumat tersebut dalam bentuk peta pemikiran yang bersesuaian.
2. Mengapakah hak Orang Asli perlu dipelihara? Jelaskan pandangan anda.
3. Apakah perasaan anda apabila melihat hak Orang Asli terus dipelihara? Huraikan.

[Sumber: Akta Orang Asli 1954 (Akta 134)]

- B** Dengan menggunakan kaedah dialog awam (town hall), bincangkan kesan sekiranya hak masyarakat pedalaman sebagai warganegara Malaysia diabaikan. Cadangkan satu strategi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat tersebut.

### INFO TAMBAHAN



Pedalaman bermaksud daerah yang jauh dari pantai yang terletak di ceruk pelosok atau di hulu negeri.

[Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015]

**C** Memelihara kelestarian alam sekitar merupakan antara tanggungjawab sosial utama yang harus dipikul oleh setiap warganegara demi memelihara kualiti kesejahteraan hidup. Pembaziran sumber alam yang berlaku menjadi isu global pada masa kini dan perlu ditangani dengan sebaik-baiknya. Teliti carta penyelesaian masalah di bawah. Buat kajian lapangan tentang satu pembaziran dan cari penyelesaian untuk masalah tersebut.



1. Wajarkah setiap rakyat Malaysia peka dengan kelestarian alam sekitar? Mengapa?
2. Sebagai warganegara bertanggungjawab, cadangkan idea baharu untuk menjaga alam sekitar kita.

Kenal pasti amalan pembaziran dalam kehidupan harian.

### INFO TAMBAHAN



Mulai 1 Januari 2020, larangan penggunaan straw plastik konvensional diperkenalkan di Malaysia untuk mengurangkan bahan berasaskan hidrokarbon demi menjaga alam sekitar di negara kita.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Harian Metro*, 21 September 2018)



Praktikkan amalan berjimat cermat dalam kehidupan harian.

Kongsikan maklumat melalui pembentangan.

Rancangkan penyelesaian.

Cari bukti tentang faktor berlakunya pembaziran.

Rakyat Malaysia dilaporkan membuang tidak kurang 3000 tan metrik makanan yang masih boleh dimakan setiap hari dan jumlah itu bertambah pada musim perayaan.

(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Bernama*, 17 Oktober 2018)

Sikap sebahagian masyarakat kini yang tidak bertanggungjawab dan suka membazirkan makanan menjadi satu kebiasaan dalam kehidupan harian. Bincangkan.



UNIT 8



### NILAI UNIVERSAL

Sebagai warganegara, bagaimanakah nilai bertanggungjawab dapat membantu mengekalkan kelestarian alam sekitar?

- D** Kawasan tempat tinggal anda mengalami masalah pencemaran udara akibat aktiviti perlombongan bauksit yang tidak terkawal. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, salurkan aduan atau cadangan anda melalui e-aduan Jabatan Alam Sekitar.



## PENGAYAAN

**A** Lihat paparan gambar daripada video yang pernah memenangi pertandingan video pendek anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).



Tajuk: *Peluang.*



Tajuk: *Roda.*



Tajuk: *Kasih sayang.*

1. Berdasarkan paparan gambar di sebelah, berikan pandangan anda tentang hak dan tanggungjawab yang perlu dipraktikkan.
2. Cari dan bentangkan peranan SUHAKAM dalam memberikan kesedaran tentang kepentingan hak dan tanggungjawab kepada warganegara.
3. Jelaskan perasaan anda terhadap isu yang dipaparkan dalam semua video tersebut.



Tajuk video: *Peluang.*



Tajuk video: *Roda.*



Tajuk video: *Kasih sayang.*

Video dan Foto: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

- B** Teliti maklumat di bawah dan lakukan aktiviti jalan galeri (gallery walk) mengikut stesen yang ditetapkan.



## REFLEKSI

Sejauh manakah penglibatan dalam komuniti menggambarkan anda sebagai seorang warganegara yang baik?

### Stesen 1

Hak yang patut diperolehi oleh mangsa bencana alam.

### Stesen 2

Tanggungjawab anda sebagai warganegara terhadap mangsa bencana alam.

### Stesen 3

Kepentingan menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana alam.

### Stesen 4

Implikasi pengabaian tanggungjawab anda sebagai warganegara terhadap mangsa bencana alam.

### Stesen 5

Situasi lain yang membolehkan anda melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara.



## PEMULIHAN

- A** Kumpulkan keratan akhbar tentang pengabaian hak dan tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia.
- B** Secara berkumpulan, bantangkan hasil aktiviti anda secara kreatif. Pembentangan terbaik akan dipilih untuk dipamerkan di pusat sumber atau Sudut Pendidikan Moral.

# Lelaki guna kad pengenalan palsu padam rekod jenayah lampau

**Alor Setar:** Seorang lelaki sanggup membayar RM3,000 untuk mendapatkan kad pengenalan palsu dengan identiti baharu, bagi mengelak statusnya yang memiliki rekod jenayah lampau dikesan.

Helah lelaki berusia 33 tahun dari Johor itu bagaimanapun gagal memperdaya pihak berkuasa apabila dia ditahan selepas status kad pengenalannya yang meragukan dikesan Jabatan Imigresen negeri.

## Wanita ditahan guna MyKad palsu

**Bukit Kayu Hitam:** Dikesan menggunakan MyKad yang meragukan, seorang wanita warga China ditahan Jabatan Imigresen negeri di pos kawalan pemeriksaan keluar masuk Kompleks Kastam Imigresen dan Kuarantin (KIK) Bukit Kayu Hitam. Ketua Imigresen Bukit Kayu Hitam, Penolong Pengarah Imigresen Nar Azman Ibrahim berkata, wanita berusia 24 tahun itu

ditahan selepas mengemukakan kad pengenalan Malaysia yang meragukan.

Menurutnya, wanita itu ditahan bersama seorang lelaki tempatan berusia 34 tahun yang mendakwa telah ke Kompleks Beli-Belah Bebas Cukai pada jam 11.30 pagi.

"Hasil siasatan mendapati wanita terbabit berasal dari China dan tidak boleh bertutur bahasa Kebangsaan apabila disoal siasat.

"Malah, kad pengenalan yang dikemukakan juga adalah palsu dengan menggunakan nama orang lain, katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut menahan lelaki tempatan itu dan kes diserahkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) negeri Kedah untuk siasatan lanjut.

## Kad pengenalan meragukan

Berdasarkan maklumat, suspek yang berada di sebuah kilang di Pulau Pinang, yang memiliki rekod jenayah membabitkan kes samun, membeli kad pengenalan palsu yang tertera gambarnya dengan nama dan alamat milik orang lain, daripada sindiket yang dikatakan berpangkalan di Perak.

(Sumber: *Harian Metro*, 17 November 2016)

(Sumber: *Berita Harian*, 20 Januari 2016)

- C** Borang dalam QR Code di bawah berkaitan dengan hak anda sebagai warganegara Malaysia. Pelajari cara untuk mengisi borang tersebut.



Borang Pendaftaran Kelahiran.



## REFLEKSI

Kongsikan pengalaman anda apabila dapat menunaikan tanggungjawab sebagai warganegara.

- D** Secara berpasangan, adakan sesi temu ramah dengan seorang pekerja di sekolah anda. Kumpulkan maklumat temu ramah tersebut dan paparkannya dalam bentuk profil pada papan kenyataan Pendidikan Moral. Yang berikut ialah maklumat yang perlu diperoleh semasa temu ramah dijalankan.

Latar belakang.

Kerja yang dibuat.

Cabaran yang dihadapi.

Hak sebagai pekerja yang diterima.

Tanggungjawab sosial yang pernah dilakukan.

Perasaan bekerja di tempat kini.



UNIT 8

Apakah yang anda peroleh tentang hak dan tanggungjawab sebagai pekerja hasil daripada temu ramah tersebut?



### DILEMA MORAL

Anda menyertai pertandingan kawad kaki unit beruniform peringkat sekolah. Semua peserta berdiri tegak semasa menyanyikan lagu *Negaraku*. Tiba-tiba, salah seorang rakan pasukan anda telah jatuh pingsan. Anda berada dalam dilema sama ada terus berdiri tegak untuk menghormati lagu kebangsaan atau membantu rakan anda itu. Apakah tindakan yang patut anda ambil? Berikan justifikasi terhadap tindakan anda itu.



## PENILAIAN

- A** Baca maklumat di bawah yang berkaitan dengan salah seorang tokoh yang mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia, iaitu Datin Paduka (Dr.) Mother A. Mangalam.



### Datin Paduka (Dr.) Mother A. Mangalam

- ✿ Dikenali sebagai “Mother Mangalam”.
- ✿ Presiden, The Pure Life Society yang ditubuhkan pada 1949 bersama-sama dengan Swami Satyananda untuk melindungi hak anak-anak yatim.
- ✿ The Pure Life Society merupakan rumah kebajikan bukan kerajaan yang pertama di Malaysia.
- ✿ Pertubuhan ini telah memberikan harapan kepada lebih daripada 2000 anak yatim tanpa mengira kaum.
- ✿ Beliau menerima pelbagai anugerah atas jasa dan tanggungjawabnya yang menjaga kebajikan golongan yang berkeperluan.

1. Bagaimanakah pengorbanan Datin Paduka (Dr.) Mother A. Mangalam memberikan inspirasi kepada anda untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab?
2. Jelaskan amalan nilai universal yang boleh dicontohi daripada Datin Paduka (Dr.) Mother A. Mangalam untuk menjadi seorang warganegara yang bertanggungjawab.
3. Bagaimanakah anda melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara?

**B** Baca dan jawab soalan di bawah.

Anda bekerja di sebuah syarikat multinasional. Pada pilihan raya umum negara, syarikat telah mengarahkan anda supaya menghadiri satu mesyuarat penting yang boleh menguntungkan anda dan syarikat. Apakah tindakan yang wajar anda ambil? Berikan alasan.

**C** Secara berkumpulan, adakan simulasi pilihan raya pemilihan wakil murid tingkatan 4 di sekolah anda.

**1**

- Mencalonkan seorang murid dari setiap kelas.

**2**

- Menetapkan masa dan tarikh pemilihan.

**3**

- Setiap calon perlu mempunyai sekumpulan penyokong.

**4**

- Mengadakan kempen pilihan raya.

**5**

- Melaksanakan proses undian.

**6**

- Mengumumkan wakil murid yang berjaya.

Main peranan berdasarkan watak berikut:

- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
- Calon
- Penyokong
- Pengundi

1. Adakah anda telah melaksanakan tanggungjawab sebagai warga sekolah? Terangkan.
2. Apakah perasaan anda apabila calon pemimpin yang layak telah terpilih? Mengapa?



Penjalanan Pilihan Raya (Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia).  
[spr.gov.my/ms/pilihan-raja/penjalanan-pilihan-raja/umum](http://spr.gov.my/ms/pilihan-raja/penjalanan-pilihan-raja/umum)  
(Dicapai pada 28 Jun 2019)



Contoh Borang Pendaftaran Pemilih.



Akademi Pilihan Raya.  
[spr.gov.my/ms/pilihan-raja/akademi-pilihan-raja](http://spr.gov.my/ms/pilihan-raja/akademi-pilihan-raja)  
(Dicapai pada 28 Jun 2019)



## UNIT 9

# PERPADUAN MASYARAKAT ASAS KEMAKMURAN NEGARA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 7.2.1 Contoh amalan perpaduan.
- 7.2.2 Peranan agensi yang memupuk semangat perpaduan.
- 7.2.3 Kepentingan amalan perpaduan dalam masyarakat majmuk.
- 7.2.4 Cabaran dalam membentuk amalan perpaduan.
- 7.2.5 Perasaan apabila mengamalkan perpaduan.
- 7.2.6 Hidup bersatu padu dalam masyarakat majmuk.



Mampukah Malaysia menjadi contoh yang baik kepada negara lain dalam membina negara yang makmur tanpa sebarang konflik?



**CADANGAN NILAI**

- Toleransi
- Kerjasama
- Baik hati
- Hormat
- Kasih sayang

Foto: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



## KONSEP

Perpaduan ialah penyatuan masyarakat dalam membentuk satu identiti nasional dan nilai bersama. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa perlu mengekalkan perpaduan bagi mewujudkan sebuah negara yang makmur. Yang berikut merupakan antara contoh amalan perpaduan di Malaysia:

### Keselamatan Penduduk

- Membuat rondaan di kawasan kediaman.
- Mewujudkan komunikasi melalui penggunaan aplikasi media sosial.

### Aktiviti Patriotik

- Melibatkan diri dalam sambutan kemerdekaan.
- Mengibarkan Jalur Gemilang.

### Sukan

- Menyokong pasukan negara.
- Melibatkan pelbagai kaum dalam sesuatu acara sukan.

## CONTOH AMALAN PERPADUAN

### Kelestarian Alam

- Memelihara dan memulihara alam sekitar.
- Menyertai program kelestarian alam sekitar.

### Majlis Keramaian

- Menghadiri rumah terbuka semasa musim perayaan.
- Menghormati budaya dan adat resam masyarakat Malaysia.

### Aktiviti Kesukarelawanan

- Membantu mangsa bencana.
- Melakukan khidmat komuniti.

Beberapa agensi kerajaan yang berperanan untuk memupuk semangat perpaduan dalam masyarakat pelbagai kaum telah ditubuhkan di Malaysia. Antaranya termasuklah agensi kerajaan seperti yang di bawah:

## AGENSI KERAJAAN

## PERANAN



JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL  
(JABATAN PERDANA MENTERI)

- Mendidik masyarakat supaya cinta akan perpaduan.
- Memelihara, mengekal dan meningkatkan perhubungan kaum ke arah perpaduan nasional.
- Mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara agama.
- Menjalankan wacana perpaduan dan kajian perhubungan kaum.
- Melaksanakan langkah-langkah intervensi dalam mengurus hal ehwal perpaduan negara dan integrasi nasional.
- Menyediakan syor kepada kerajaan dalam menyatakan pendirian negara di peringkat antarabangsa.

(Sumber: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional)



- Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiwaan, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat;
- Menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat, semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada pengarah;
- Mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana;
- Menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat.

(Sumber: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional)



JABATAN KEBUDAYAAN  
& KESENIAN NEGARA  
جاسن كيو داريان دان كسنيان نكارا

- Memantapkan usaha memulihara, mengekal, mengembang dan menyemarak seni budaya warisan bangsa.
- Menggembelngkan elemen seni budaya untuk meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan bangsa.
- Menggalakkan penglibatan penggiat seni di dalam bidang ekonomi melalui aktiviti seni budaya.
- Menyokong pertumbuhan pelancongan negara melalui aktiviti seni dan budaya.

(Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara)




JABATAN  
PENERANGAN  
MALAYSIA


- Meningkatkan kefahaman, sokongan, keyakinan dan penglibatan masyarakat terhadap dasar dan program Kerajaan ke arah pembinaan negara bangsa yang bermaklumat, progresif, berintegriti, sejahtera serta bersatu padu.

(Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia)

Amalan perpaduan dalam masyarakat majmuk amat penting bagi mewujudkan sebuah negara yang harmoni. Banyak kepentingan yang dapat diperoleh sekiranya setiap anggota masyarakat mengamalkan perpaduan.




INFO TAMBAHAN



(Sumber: Dokumen Standard dan Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tingkatan 4 KSSM)

Usaha mewujudkan dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini sentiasa menjadi agenda utama kerajaan. Namun begitu, pelbagai cabaran tetap menjadi kekangan dalam usaha membina masyarakat yang bersatu padu.



Perpaduan patut menjadi amalan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Rakyat Malaysia hendaklah bersatu hati dalam mewujudkan keharmonian. Dengan adanya perpaduan, rakyat dapat hidup dalam suasana gembira dan saling bertolak ansur antara satu sama lain. Oleh itu, setiap individu bertanggungjawab untuk memainkan peranan masing-masing dalam mengekalkan keamanan negara.



Foto: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia



## PENGUKUHAN

A Lihat gambar yang menunjukkan aktiviti kemasyarakatan di bawah.



Foto: Wesley anak Juntan

Sambutan Hari Gawai.

1. Bagaimanakah amalan yang dipraktikkan dalam gambar di atas dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat?
2. Bincangkan kepentingan mengekalkan sambutan perayaan seperti Hari Gawai pada masa hadapan.
3. Jelaskan perasaan anda apabila dapat menghadiri sambutan perayaan seperti Hari Gawai.

UNIT 9



### DIMENSI MORAL

Bagaimanakah anda mengurus emosi moral dalam menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian masyarakat Malaysia?



### NILAI UNIVERSAL

Jelaskan nilai universal yang dapat dipupuk apabila menyertai perayaan kaum lain.

- B** Teliti poster di bawah dan bincangkan peranan agensi kerajaan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat.

**Soalan 1**

Huraikan peranan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dalam memupuk perpaduan.



**Soalan 2**

Terangkan peranan yang boleh anda sumbangkan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk memupuk perpaduan.



**Soalan 3**

Nyatakan perasaan anda apabila dapat melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh agensi tersebut untuk memupuk perpaduan.



**REFLEKSI**

Perpaduan masih belum dapat direalisasikan sepenuhnya walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan ini? Bincangkan.



- C** Laksanakan satu aktiviti sumbang saran untuk membincangkan budaya tular yang menjadi cabaran dalam membentuk perpaduan di negara kita.



1. Kenal pasti komen positif dan komen negatif tentang isu perpaduan yang ditularkan melalui laman sosial.
2. Huraikan kesannya jika anda terus membaca komen negatif tentang isu perpaduan melalui laman sosial.
3. Apakah tindakan anda sekiranya rakan anda terlibat dalam penyebaran komen negatif melalui laman sosial?



### **DIMENSI MORAL**

Sebagai pengguna laman sosial, bagaimanakah anda mengurus emosi moral apabila membaca komen negatif tentang isu perpaduan?

Bagaimanakah golongan remaja boleh menggunakan media sosial untuk menerapkan amalan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita?



**7.2.1, 7.2.3, 7.2.4, 7.2.5**



## PENGAYAAN

- A** Lihat gambar di bawah, kemudian bincangkan peranan sukan dalam membentuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.



### DIMENSI MORAL

Dengan menggunakan dimensi moral, jelaskan perasaan anda apabila melihat pelbagai kaum memberikan sokongan kepada pasukan negara.




### NILAI UNIVERSAL

Jelaskan nilai universal yang patut dipraktikkan ketika menonton sesuatu perlawanan sukan.



### DILEMA MORAL

Anda sangat berminat dengan pasukan luar negara yang sedang bertanding dengan pasukan negara dalam suatu acara pertandingan antarabangsa. Pasukan manakah yang anda sokong? Berikan justifikasi berdasarkan kewajaran tindakan moral anda.



Amalan kebersamaan dalam sukan dapat diaplikasikan dalam aktiviti perpaduan yang lain. Bincangkan.

**B** Laksanakan satu program bicarawara yang membincangkan kejayaan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan.

**Soalan 1**

Sejauh manakah penggunaan bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa perpaduan?

**Soalan 2**

Bersetujukah anda dengan penggunaan bahasa Melayu dalam majlis rasmi? Bincangkan.

## BAHASA KEBANGSAAN

- Perlembagaan Persekutuan 1957, Perkara 152(1) menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

**Soalan 3**

Bincangkan cabaran penggunaan bahasa Melayu dalam menyatupadukan pelbagai kaum di Malaysia.

Perpaduan hanya di bibir, bukan di hati. Bincangkan.

### INFO TAMBAHAN



Bicarawara bermaksud rancangan temu bual antara hos dengan tetamu undangan berkaitan dengan tajuk tertentu.

(Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015)



## PEMULIHAN

**A** Laksanakan aktiviti “Pengelompokan Kriteria” di bawah.

### PANDUAN PELAKSANAAN

1. Berkumpul di dalam bulatan yang bertanda “Mula”.
2. Dengar pernyataan yang dibacakan oleh guru berkaitan dengan aktiviti perpaduan.
3. Bergerak mengikut pilihan jawapan sama ada ke bulatan biru atau bulatan merah sepanjang aktiviti dijalankan.
4. Aktiviti diteruskan sehingga guru membaca pernyataan terakhir.
5. Guru mengucapkan tahniah kepada murid yang terlibat dalam melakukan aktiviti ini bersama-sama dengan rakan pelbagai kaum,



Mula



### REFLEKSI

Semasa melakukan aktiviti ini, wajarkah anda membuat pilihan berdasarkan pilihan sendiri atau mengikut pilihan rakan? Jelaskan.



Merah

Yang berikut ialah pernyataan yang akan dikemukakan dalam aktiviti ini:

BIL.	PERNYATAAN	WARNA BIRU	WARNA MERAH
1.	Tarikh lahir anda.	Nombor genap	Nombor ganjil
2.	Makanan ketika bersarapan.	Makanan barat	Makanan tempatan
3.	Nasi lemak ialah makanan kegemaran anda.	Ya	Tidak
4.	Sukan yang anda suka tonton.	Badminton	Bola sepak
5.	Anda ingin mempelajari bahasa kaum lain.	Ya	Tidak
6.	Tarian yang ingin anda pelajari.	Tarian sendiri	Tarian kaum lain
7.	Rakan karib anda.	Pelbagai kaum	Kaum sendiri
8.	Pilihan bahasa yang anda gunakan dalam perbualan harian bersama-sama dengan rakan.	Bahasa Melayu	Bahasa ibunda
9.	Anda pernah menghadiri rumah terbuka perayaan kaum lain.	Ya	Tidak
10.	Anda sayang akan Malaysia.	Ya	Tidak

Secara berpasangan:

1. Kongsikan pengalaman anda daripada aktiviti tersebut.
2. Jelaskan perasaan anda apabila wujud elemen kebersamaan dengan rakan anda dalam pilihan jawapan.



Sejauh manakah elemen perpaduan dapat dipupuk melalui aktiviti ini?

7.2.1, 7.2.3, 7.2.5, 7.2.6



## PENILAIAN

- A** Lihat gambar di bawah yang menunjukkan masyarakat majmuk di negara kita mengamalkan perpaduan melalui aktiviti kemasyarakatan.



Foto: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

1. Mengapakah setiap rakyat Malaysia perlu memahami konsep perpaduan dan menjadikannya sebagai amalan harian?
2. Bagaimanakah anda berperanan untuk membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum?
3. Jelaskan cabaran yang dihadapi dalam memupuk perpaduan antara kaum.
4. Ramalkan implikasinya terhadap masyarakat dan negara jika aspek perpaduan tidak dititikberatkan oleh pelbagai pihak.

- B** Pernyataan di bawah berkaitan dengan amalan perpaduan dalam pendidikan.


Institusi pendidikan merupakan satu wadah untuk murid pelbagai kaum berjumpa dan menimba ilmu pengetahuan. Murid akan saling mengenal dan menjalin hubungan baik antara satu sama lain. Maka, amalan perpaduan melalui pendidikan dapat diterapkan dalam jiwa generasi muda.

Wajarkah kerajaan menumpukan pelaksanaan aktiviti yang bertemakan perpaduan di institusi pendidikan? Bincangkan.

**C** Secara berkumpulan, anjurkan satu aktiviti permainan tradisional yang disertai oleh murid daripada pelbagai kaum. Buat rakaman video dan sebakannya melalui laman sosial.



Permainan congkak.



Permainan catur Cina.



Permainan kabaddi.



Permainan tibow.

Contoh permainan tradisional.

**D** Permainan tradisional yang disertai oleh masyarakat pelbagai kaum dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Bincangkan.



Permainan kabaddi.



Permainan tibow.



## UNIT 10

# PENGURUSAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 7.3.1** Maksud perbelanjaan beretika.
- 7.3.2** Cara menguruskan perbelanjaan secara beretika.
- 7.3.3** Kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika untuk kesejahteraan hidup.
- 7.3.4** Kesan perbelanjaan tidak beretika kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.
- 7.3.5** Perasaan apabila menguruskan perbelanjaan secara beretika.
- 7.3.6** Pengurusan perbelanjaan secara beretika dalam kehidupan harian.



Pernahkah wang anda habis  
dibelanjakan dalam masa  
yang singkat?



**CADANGAN NILAI**

- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab
- Berdikari
- Rasional
- Kejujuran



## KONSEP

Dalam kehidupan, setiap individu membelanjakan sejumlah wang untuk memenuhi keperluan harian. Perbelanjaan ini perlu diuruskan secara beretika bagi menjamin kewangan yang stabil. Pengurusan perbelanjaan secara beretika bermaksud cara wang dibelanjakan dan diuruskan dengan berhemah untuk mendapatkan sesuatu barangan dan perkhidmatan. Terdapat beberapa cara dalam menguruskan perbelanjaan secara beretika.

### **CARA PENGURUSAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA**

#### **Menentukan Kedudukan Kewangan yang Dimiliki**

- Memastikan jumlah wang yang dimiliki.
- Merancang perbelanjaan berdasarkan wang yang dimiliki.

#### **Mengenal Pasti dan Membuat Anggaran Perbelanjaan**

- Membuat catatan dan mengkategorikan setiap item sebagai keperluan atau kehendak.
- Membuat peruntukan bagi setiap perbelanjaan.

#### **Membeli Barangan Secara Tunai, Kad Debit atau Kad Kredit**

- Membeli barangan dengan membuat bayaran secara tunai atau menggunakan kad debit.
- Mengelakkan diri daripada berhutang.
- Memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh waktu bebas faedah jika terpaksa menggunakan kad kredit.

### Mendisiplinkan Diri ketika Berbelanja

- Berbelanja mengikut kemampuan.
- Mengelakkan diri daripada membeli barangan berasaskan jenama semata-mata.
- Berusaha mencari alternatif lain jika terpaksa membeli barangan mahal.

### Tidak Terpengaruh dengan Jualan Murah atau Jualan dalam Talian

- Membuat penelitian harga terlebih dahulu bagi memastikan barang tersebut benar-benar murah dan berkualiti.
- Membeli barangan atau perkhidmatan yang telah dirancang sahaja.
- Mendapatkan khidmat nasihat sebelum membeli sesuatu barangan.

### Mendokumentasikan Perbelanjaan

- Mencatatkan semua perbelanjaan yang telah dibuat.
- Menyimpan semua resit pembayaran dengan lebih sistematik.
- Merancang semula perbelanjaan bagi mengelakkan perbelanjaan secara berlebihan.

### INFO TAMBAHAN



Sebagai pengguna, kita perlu bijak menguruskan perbelanjaan secara beretika. Kita juga mempunyai hak seperti yang berikut:


- Hak untuk mendapatkan keperluan asas.
- Hak untuk mendapatkan keselamatan.
- Hak untuk mendapatkan maklumat.
- Hak untuk membuat pilihan.
- Hak untuk bersuara.
- Hak untuk mendapatkan ganti rugi.
- Hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna.
- Hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat.

(Sumber: FOMCA)




Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).  
fomca.org.my/v1  
(Dicapai pada 15 Februari 2019)


Dalam menguruskan perbelanjaan secara beretika, ilmu dan kemahiran perlu bergerak seiring. Tujuannya bagi memudahkan urusan perbelanjaan yang dibuat dapat dipantau. Banyak kepentingannya apabila pengurusan perbelanjaan dibuat secara beretika.



Hasil amalan pengurusan perbelanjaan secara beretika memberikan banyak manfaat kepada individu. Namun begitu, perbelanjaan yang tidak diuruskan secara beretika akan memberikan kesan kepada diri dan orang lain.



Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu merancang perbelanjaan dengan bijak. Anggaran perbelanjaan perlu dibuat terlebih dahulu bagi setiap barangan dan perkhidmatan yang ingin diperolehi mengikut had perbelanjaan yang telah dirancang. Hal ini dapat mengelakkan perbelanjaan yang berlebihan.



Oleh itu, setiap pengguna perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan perbelanjaan secara beretika. Amalan pengurusan perbelanjaan secara beretika akan melahirkan individu yang bertanggungjawab dan berfikir rasional dalam urusan kewangan. Pembelian barangan atau perkhidmatan patut dibuat secara sederhana mengikut keperluan dan bukannya mengikut kehendak semata-mata. Perasaan gembira dan rasa bersyukur dapat dinikmati jika mengamalkan pengurusan perbelanjaan secara beretika.





## PENGUKUHAN

A Teliti, kemudian fahami poster di bawah yang berkaitan dengan jualan murah.

**PESTA LELONG BUKU**

Tempat: **DEWAN CEMPAKA**  
Tarikh: **21 - 30 Oktober** \_\_\_\_\_

**HARGA BUKU SERENDAH**  
**RM1 RM2 RM5**

**LEBIH 50 PENERBIT TERKENAL**

**50 000 TAJUK BUKU**

**PROMOSI PAKEJ... SAMURAI GAJET**

Smartwatch + Earbuds **RM 70**

Smartphone + Camera **RM 80**

Smartphone + Headphones **RM 120**

1. Bagaimanakah anda menguruskan perbelanjaan secara beretika apabila melihat iklan jualan murah seperti di atas?
2. Jelaskan kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika yang akan anda laksanakan.
3. Ramalkan kesan sekiranya anda tidak menguruskan perbelanjaan secara beretika.
4. Ada yang berpendapat bahawa kita harus berbelanja sebanyak mungkin semasa jualan murah sebagai langkah penjimatan pada bulan seterusnya. Wajarkah tindakan tersebut? Jelaskan.

Sejauh manakah jualan murah mempengaruhi pengurusan perbelanjaan beretika anda dalam kehidupan harian?

UNIT 10



## DIMENSI MORAL

Bagaimanakah anda mengurus emosi moral dalam menentukan perbelanjaan apabila melihat iklan jualan murah? Jelaskan.

7.3.2, 7.3.3, 7.3.4, 7.3.5

**B** Baca dan fahami situasi di bawah. Bincangkan tindakan yang akan diambil dengan memberikan justifikasi yang sesuai.

### Situasi

# 1

Kuan Seng telah merancang perbelanjaan untuk pelbagai barangan bagi menyambut Tahun Baharu Cina. Walau bagaimanapun, Kuan Seng mendapati ada antara barangan yang ingin dibelinya agak mahal berbanding dengan bajet yang telah diperuntukkan.

### Situasi

# 2

Semasa membeli-belah di pasar raya, Mary telah ditawarkan untuk memiliki kad kredit oleh seorang ejen bank. Ejen bank tersebut menawarkan sebuah beg pakaian sekiranya Mary mengisi borang permohonan pada hari itu. Pada masa yang sama, Mary memang bercadang untuk membeli sebuah beg pakaian.

### Situasi

# 3

Sebuah syarikat telekomunikasi telah menawarkan sebuah telefon bimbit berjenama terkenal secara percuma kepada Puan Tukinah. Telefon bimbit tersebut akan diperolehi sekiranya Puan Tukinah melanggan pakej pascabayar yang memerlukan bayaran sebanyak RM85.00 sebulan dan kontrak selama dua tahun. Pada masa yang sama, Puan Tukinah sudah memiliki plan prabayar sebanyak RM35.00 sebulan.

### Situasi

# 4

Encik Jaspal Singh berhasrat untuk menyertai plan insurans bagi pendidikan anaknya supaya masa hadapan anaknya lebih terjamin. Namun begitu, dia masih ragu-ragu untuk menyertai plan tersebut kerana perbelanjaan bulannya akan meningkat.



### NILAI UNIVERSAL

Jelaskan nilai universal yang sesuai diamalkan dalam situasi yang dibincangkan.

Sejauh manakah pengetahuan tentang pengurusan perbelanjaan secara beretika dapat menjamin masa hadapan yang lebih baik?



7.3.2, 7.3.3, 7.3.4





## PENGAYAAN

- A** Bapa anda memberikan sejumlah wang bagi menampung perbelanjaan anda selama sebulan. Rancang pengurusan perbelanjaan anda berdasarkan pilihan yang terbaik.



Contoh pilihan barangan atau perkhidmatan.

Perkara yang perlu diambil kira semasa menguruskan perbelanjaan secara beretika adalah seperti yang di bawah:

1. Senarai barangan atau perkhidmatan.
2. Tujuan pembelian sama ada keperluan atau kehendak.
3. Anggaran harga setiap barangan atau perkhidmatan.

- B** Bentangkan rancangan pengurusan perbelanjaan anda. Kemudian, bandingkan dengan rakan yang lain untuk mengetahui kepentingan pengurusan perbelanjaan secara beretika.



## REFLEKSI

Adakah perbelanjaan anda seimbang dengan wang saku yang diberikan oleh bapa anda? Jelaskan.

UNIT 10

**C** Laksanakan perbincangan berdasarkan senario pembelian dalam talian dengan merujuk Panduan Pengurusan Kewangan di bawah.


Min Seng melayari laman sesawang pembelian dalam talian. Dia tertarik untuk membeli sepasang kasut idamannya yang berharga RM400.00 dengan diskaun 50%. Dua minggu sebelum itu, Min Seng telah pun membeli sepasang kasut baharu. Simpanannya kini berbaki RM150.00. Sekiranya Min Seng melepaskan peluang ini, dia terpaksa mengumpulkan lebih banyak wang untuk memiliki kasut tersebut.



**NILAI UNIVERSAL**

Bagaimanakah amalan nilai universal dapat membantu Min Seng mengamalkan pengurusan perbelanjaan secara beretika dalam kehidupan harian?

1. Pada pandangan anda, wajarkah tindakan Min Seng membeli kasut tersebut? Justifikasikan pandangan anda.
2. Senaraikan cara mengamalkan pengurusan perbelanjaan secara beretika berdasarkan Panduan Pengurusan Kewangan kepada Min Seng.





## PEMULIHAN

**A** Lihat contoh sampul bajet di bawah. Secara berkumpulan, hasilkan sampul bajet perbelanjaan secara kreatif berpandukan pengurusan perbelanjaan secara beretika yang diamalkan dalam kehidupan harian.

1. Bagaimanakah penggunaan sampul bajet dapat membantu anda menguruskan perbelanjaan secara beretika?
2. Apakah kesan sekiranya penggunaan sampul bajet ini sentiasa dipraktikkan dalam kehidupan harian?
3. Jelaskan perasaan anda sekiranya dapat menguruskan perbelanjaan secara beretika dengan menggunakan sampul bajet tersebut.



Sampul bajet makanan.



Sampul bajet peralatan sekolah.

**B** Baca pernyataan di bawah, kemudian buat penyelesaian berkaitan dengan isu wang syiling.

“Baki wang syiling yang bernilai kecil sering diabaikan ketika berbelanja sedangkan setiap sen yang dibelanjakan akan memberikan kesan kepada perbelanjaan kita.”

1. Bagaimanakah cara anda menguruskan wang syiling tersebut?
2. Ramalkan kesan pengabaian wang syiling yang bernilai kecil dalam perbelanjaan secara beretika.



Contoh tabung simpanan.



## PENILAIAN

- A** Baca dan fahami keratan akhbar di bawah. Kemudian, jawab soalan yang diberikan.

**PERKIRAAN SUKARELA SELESAI BEBAN KEWANGAN**

# 20,000 muflis setiap tahun

→ **AKPK** runding dengan pemegang, agensi bantu kurangkan kes bankrap

**Oleh Luqman Arif Abdul Karim**  
luqman.arif@bh.com.my  
Kuala Lumpur

**P**enyediaan penyelesaian beban kewangan, Perkiraan Sukarela (VA), dijangka mengurangkan kadar muflis rakyat Malaysia mencecah 50 peratus.

Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), Datuk Abdul Rahman Putra Taha, berkata, VA sebagai penyelesaian

Malaysia diisytiharkan muflis setiap tahun berpunca daripada pelbagai faktor.

Katanya, pola peningkatan berganda kadar muflis yang mencetuskan kebimbangan itu didapati berlaku sejak lima tahun kebelakangan ini.

"Purata umur individu yang diisytiharkan muflis adalah sekitar 45 tahun, malah penelitian terhadap masalah ini menunjukkan kebanyakan mereka berdepan tekanan dalam kalangan masyarakat.

**Keinginan melampaui kemampuan**

"Tekanan yang dimaksudkan adalah merealisasikan keinginan melangkaui kemampuan seperti membeli kereta mewah, kediaman impian dan belanja kahwin sehingga ratusan ribu ringgit anggara desakan ibu bapa.

"Mangsa keadaan seperti ini boleh diselamatkan menerusi VA sebagai jalan penyelesaian

media di Lanai Kijang, Bank Negara di sini, semalam.

VA dilaksanakan lanjutan pengumuman Mdi mengenai Akta Insolvensi 1967 dengan melantik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sebagai penama dalam mengendalikan kaedah penyelesaian berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif AKPK, Azaddin Ngah Tasir, berkata mekanisme terakhir itu bakal memperuntukkan tempoh interim atau sementara selama 90 hari bagi menghalang tindakan perundangan diambil terhadap penghutang.

Sepanjang tempoh itu, katanya, AKPK akan turut menjalakan rundingan dengan pemegang dan agensi berkaitan untuk merangka pelan penyelesaian kewangan mengikut kaedah tertentu.

"Kita mempunyai Program Pengurusan Hutang (DMP) untuk individu yang belum bertindakan perundangan

lesaian terakhir untuk individu yang akan dikenakan tindakan perundangan bagi mengelak mereka diisytiharkan muflis katanya.

**Sedia dapat khidmat AKPK petunjuk baik**

Azaddin berkata, kira-kira 10 peratus daripada individu yang mendapatkan khidmat nasihat AKPK ketika ini adalah dalam lingkungan usia antara 30 hingga 50 tahun.

Katanya, keterbukaan syarat mendapatkan khidmat nasihat AKPK adalah petunjuk baik kerana sebelum wujud persepsi negatif bagaimana mana-mana individu tampil ke agensi berkenaan mempunyai masalah kewangan kronik.

"Kita ingin mengingatkan masyarakat supaya tidak dapat khidmat jururundingan penyelesaian kewangan yang semakin menular sebagai menantikan pelbagai

(Sumber: Berita Harian, 30 Januari 2018)

1. Mengapakah isu muflis berlaku dalam kalangan masyarakat? Jelaskan.
2. Cadangkan usaha yang boleh dilakukan bagi menangani isu muflis.
3. Bagaimanakah amalan nilai universal dapat membantu anda menguruskan perbelanjaan secara beretika?
4. Bagaimanakah anda mengamalkan pengurusan perbelanjaan secara beretika dalam kehidupan harian?
5. Apakah kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada individu dan negara yang diisytiharkan muflis?

- B** Penggunaan kad kredit lebih banyak mendatangkan keburukan berbanding dengan kebaikan kepada pengguna. Bincangkan.

- C** Sekolah anda akan mengadakan Karnival Keusahawanan. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) telah bersetuju untuk memberikan modal sebanyak RM250.00 kepada setiap kumpulan murid yang ingin mengadakan jualan semasa karnival tersebut. Berdasarkan modal tersebut, rancang perbelanjaan dan laksanakan aktiviti perniagaan semasa Karnival Keusahawanan.



- D** Dokumentasikan aktiviti perniagaan tersebut dengan menyediakan laporan bagi menentukan perniagaan yang dijalankan telah mengikut pengurusan perbelanjaan secara beretika. Bentangkan laporan tersebut secara kreatif.



## UNIT 11

# KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 7.4.1 Keunikan rakyat Malaysia dari segi agama, bangsa, budaya dan bahasa.
- 7.4.2 Kepentingan keunikan rakyat Malaysia.
- 7.4.3 Cabaran keunikan rakyat Malaysia.
- 7.4.4 Strategi untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.
- 7.4.5 Perasaan apabila dapat mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.
- 7.4.6 Amalan mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kehidupan harian.

.....

**Adakah anda bersetuju jika dikatakan  
bahawa khazanah utama negara  
Malaysia ialah keunikan rakyatnya?**

.....



**CADANGAN NILAI**

- Patriotisme
- Kerajinan
- Berdikari
- Keberanian
- Berterima kasih



Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazandusun, Iban, Orang Asli, Baba dan Nyonya, Portugis dan lain-lain. Setiap kaum menganuti agama dan kepercayaan masing-masing, antaranya termasuklah Islam, Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan animisme. Kepelbagaian ini tidak menghalang rakyat Malaysia untuk menerima dan menghormati norma dan budaya kaum lain. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan keamanan. Kepelbagaian ini menjadikan rakyat Malaysia unik di persada dunia. Antara keunikan rakyat yang terdapat di Malaysia termasuklah perkara seperti yang di bawah:

## KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

### Kaum Melayu

Bahasa: Melayu.  
Makanan: Nasi lemak, rendang, sate.  
Pakaian: Baju kurung, baju Melayu.  
Perayaan: Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha.

### Kaum Cina

Bahasa: Mandarin, Hakka, Kantonis, Hokkien, Hainan, Fuzhou, Teochew.  
Makanan: Dim sum, kuih bulan, zongzi, tang yuan.  
Pakaian: Ceongsam, samfu, qipao.  
Perayaan: Tahun Baharu Cina, Cap Goh Mei, Dong Zhi.

### Kaum India

Bahasa: Tamil, Telugu, Malayalam.  
Makanan: Tose, idli.  
Pakaian: Sari, doti.  
Perayaan: Deepavali, Thaipusam.

### Kaum Kadazandusun

Bahasa: Kadazandusun.  
Makanan: Tuhau, hinava, bosou.  
Pakaian: Himpogot, tangkong, siling, tapi'.  
Perayaan: Pesta Kaamatan, Pesta Moginakan Nunuk Ragang.

### Kaum Iban


Bahasa: Iban.  
Makanan: Manuk pansuh, kasam ikan, salai.  
Pakaian: Sirat, kelambi, kain tenun, baju burung.  
Perayaan: Gawai Dayak, Gawai Antu, Gawai Batu.

### Kaum Punjabi

Bahasa: Punjabi.  
Makanan: Capati, dhal, saag, lassi.  
Pakaian: Serban, kurta-pejama, dupatta, selwar-kameez.  
Perayaan: Hari Vesakhi.



Setiap rakyat Malaysia patut mempertahankan dan mengekalkan keunikan ini. Terdapat beberapa kepentingan dalam mengekalkan keunikan yang ada dalam kalangan rakyat Malaysia. Oleh itu, generasi muda perlu menyedari kepentingannya agar keunikan ini dapat terus dipertahankan.



Keunikan kepelbagaian budaya rakyat Malaysia juga menjadi salah satu faktor tarikan pelancong ke negara ini. Namun begitu, dalam mempertahankan keunikan rakyat Malaysia ini, banyak cabaran yang perlu dihadapi demi keharmonian dan keamanan negara.

### **CABARAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA**

#### **CABARAN BAHASA**

- Kepelbagaian bahasa yang tidak dapat difahami oleh segelintir masyarakat.
- Menjejaskan komunikasi antara kaum.

#### **CABARAN BUDAYA LUAR**

- Menghakis jati diri dan budaya sesuatu kaum.
- Mudah dipengaruhi dengan budaya negatif dari luar.

#### **POLARISASI KAUM**

- Mencetuskan konflik yang berpunca daripada sikap tidak menghormati perbezaan adat dan kepercayaan kaum lain.
- Mewujudkan sikap perkauman.

#### **CABARAN SOSIAL**

- Perasaan tasub terhadap kebudayaan sendiri.
- Kecelaruan identiti bangsa.

#### **INFO TAMBAHAN**



Polarisasi bermaksud keadaan terdapatnya atau proses berlakunya dua pihak yang mempunyai prinsip dan pendapat yang bertentangan sama sekali.

(Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015)

Bagi mengatasi cabaran tersebut, semua pihak patut bertanggungjawab dan memainkan peranan untuk mengekalkan keunikan ini. Sehubungan dengan itu, beberapa strategi perlu dilaksanakan bagi memastikan keunikan ini berkekalan.

**STRATEGI MENGEKALKAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA**

<div data-bbox="219 377 514 636" style="background-color: #ADD8E6; padding: 10px; border-radius: 50%; width: 150px; margin: 0 auto;"><b>DIRI</b></div> <div data-bbox="189 576 536 994" style="background-color: #C8E6C9; padding: 10px; border-radius: 15px; margin-top: 10px;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima dan menghormati keunikan semua kaum.</li> <li>• Tidak memandang rendah adat atau kepercayaan kaum lain.</li> <li>• Mengamalkan adat dan budaya dalam kehidupan harian.</li> </ul> </div>	<div data-bbox="612 377 914 636" style="background-color: #F080F0; padding: 10px; border-radius: 50%; width: 150px; margin: 0 auto;"><b>IBU BAPA</b></div> <div data-bbox="589 576 937 994" style="background-color: #FFCC99; padding: 10px; border-radius: 15px; margin-top: 10px;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengamalkan adat dan budaya dalam keluarga.</li> <li>• Mendidik anak-anak supaya menerima kepelbagaian budaya.</li> <li>• Membawa anak-anak untuk menyertai aktiviti kebudayaan pelbagai kaum.</li> </ul> </div>	<div data-bbox="1013 377 1315 636" style="background-color: #C8E6C9; padding: 10px; border-radius: 50%; width: 150px; margin: 0 auto;"><b>KERAJAAN</b></div> <div data-bbox="990 576 1338 994" style="background-color: #FFCDD2; padding: 10px; border-radius: 15px; margin-top: 10px;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membanyakkkan aktiviti kesenian dan kebudayaan peringkat sekolah.</li> <li>• Memartabatkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.</li> <li>• Mewujudkan muzium mini kesenian dan kebudayaan.</li> </ul> </div>
--	---	--

Setiap individu perlu mengenali dan menerima keunikan rakyat Malaysia agar perpaduan dan keamanan dapat dikekalkan. Dengan ini, semua pihak dapat hidup dengan perasaan gembira, bersyukur dan bangga tanpa mengira agama, bangsa, budaya dan bahasa.





## PENGUKUHAN

- A** Teliti analisis *Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats* (SWOT) yang berkaitan dengan isu di bawah.

### ISU: PENERIMAAN KEUNIKAN BUDAYA RAKYAT MALAYSIA

	<b>S</b> <b>Kekuatan (Strengths)</b> - Pelbagai kaum. - Keunikan adat dan budaya yang kukuh.	<b>W</b> <b>Kelemahan (Weaknesses)</b> - Perbezaan adat dan budaya tidak mudah diterima oleh semua pihak. - Mudah terikut-ikut dengan budaya asing.
<b>O</b> <b>Peluang (Opportunities)</b> - Pelancong tertarik dengan budaya Malaysia. - Program pertukaran murid dapat menyebarkan budaya Malaysia.	<b>Strategi (SO)</b> - Melaksanakan pelbagai kempen seperti "Tahun Melawat Malaysia".	<b>Strategi (WO)</b> - Memberikan pendidikan awal tentang kepelbagaian budaya dan kaum.
<b>T</b> <b>Ancaman (Threats)</b> - Budaya barat mendominasi generasi baharu. - Pengaruh media yang boleh menjejaskan kebudayaan asal.	<b>Strategi (ST)</b> - Mempromosikan kepelbagaian budaya asal negara secara besar-besaran.	<b>Strategi (WT)</b> - Pendidikan agama yang kuat dapat mengurangkan pengaruh budaya luar.

Secara berkumpulan, bincangkan perkara berikut:

1. Strategi yang akan dipilih.
2. Bagaimanakah strategi yang dipilih boleh menyelesaikan isu di atas?

- B** Jawab soalan di bawah.

**ISU: Keunikan sekolah yang mempunyai murid pelbagai kaum.**

Secara berkumpulan, selesaikan isu ini dengan menggunakan analisis SWOT. Bentangkan hasil perbincangan anda di hadapan kelas.



## REFLEKSI

Kesanggupan untuk menerima sesuatu perbezaan budaya penting dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. Berikan komen anda.

- C** Penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sangat penting bagi sesebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum seperti Malaysia. Teliti maklumat berkaitan dengan objektif dasar tersebut.

### OBJEKTIF DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

1. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui Kebudayaan;
2. Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang tumbuh daripada Kebudayaan Kebangsaan; dan
3. Memperkayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi.

(Sumber: www.jkkn.gov.my)

1. Kumpulkan maklumat tentang strategi pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di Malaysia.
2. Rancang satu aktiviti untuk merealisasikan Dasar Kebudayaan Kebangsaan di sekolah anda. Persembahkan aktiviti tersebut dalam majlis keraiian sekolah.
3. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dapat memartabatkan keunikan budaya rakyat Malaysia. Berikan pandangan anda.

- D** Baca dan fahami keunikan nama rakyat Malaysia mengikut kaum dan etnik. Laksanakan aktiviti memperkenalkan nama anda dan keunikan nama anda bersama-sama dengan rakan di dalam kelas.

Lasumin Kasang  
(Kadazan)

Plantar Usak  
(Bidayuh)

Chang Mann Lee  
(Cina)

Saviteri a/p Doraisamy  
(India)

Bah San a/l Bah Ton  
(Orang Asli)

Santokh Singh a/l Ranjit Singh  
(Punjabi)

Siti Fatimah binti Zainal  
(Melayu)

Charylne binti Surin Rudolf  
(Dusun)

Bunyak Anak Merang  
(Iban)

Masyarakat kini lebih cenderung untuk menamakan anak mereka dengan nama moden. Berikan komen anda.

**E** Secara berkumpulan, dapatkan maklumat tentang latar belakang dan keunikan kaum berdasarkan gambar di bawah.



Keunikan kaum di Malaysia.

1. Bentangkan hasil dapatan anda dengan menggunakan montaj.
2. Bandingkan keunikan setiap kaum yang dibentangkan dari segi adat dan tradisi.
3. Bincangkan contoh amalan tradisi yang patut dikekalkan dalam keluarga anda. Berikan alasan.



## REFLEKSI

Pengekalan keunikan kebudayaan masing-masing boleh menggugat rasa sepunya ke arah membentuk bangsa Malaysia. Berikan pendapat anda.

Toleransi merupakan faktor penting dalam mengekalkan keunikan rakyat Malaysia. Apakah yang akan berlaku jika nilai ini diabaikan oleh generasi muda?





## PENGAYAAN

A Lihat gambar di bawah yang menunjukkan pelbagai keunikan di Malaysia.



1. Terangkan keunikan pelbagai budaya yang ada di Malaysia seperti dalam gambar.
2. Jelaskan perasaan anda apabila melihat keunikan hasil seni rakyat Malaysia seperti dalam gambar.
3. Apakah strategi yang dapat dicadangkan kepada kerajaan dalam mengekalkan keunikan pelbagai budaya di Malaysia? Terangkan.



## DIMENSI MORAL

Isu sensitif yang melibatkan kaum, agama, kepercayaan dan kebudayaan yang tersebar melalui media sosial menjadi salah satu punca perselisihan kaum di Malaysia. Bagaimanakah anda boleh menggunakan dimensi moral untuk menjaga sensitiviti perkauman?



## NILAI UNIVERSAL

Apakah nilai universal yang harus diamalkan oleh rakyat untuk menghormati keunikan setiap kaum? Huraikan.

**B** Teliti situasi dalam cerita di bawah dan jawab soalan yang dikemukakan.

Aryton Sikawah dan Parameswary berasal daripada kaum Dusun dan kaum India. Mereka berkahwin setelah mendapat persetujuan daripada ibu bapa masing-masing. Hidup mereka bertambah bahagia dengan kehadiran anak yang bernama Hanesh Sikawah. Hanesh diajar tentang adat dan tradisi kedua-dua kaum sejak kecil. Dia bertuah kerana dibesarkan dalam budaya ibu dan bapanya. Hanesh dapat mengenali, menghormati dan mengamalkan keunikan budaya tersebut dalam kehidupan hariannya.

**Soalan 1**

Jelaskan keunikan yang dimiliki oleh Hanesh.

**Soalan 2**

Adakah keistimewaan yang dimiliki oleh Hanesh merupakan satu kelebihan atau cabaran? Bincangkan.

**NILAI UNIVERSAL**

Huraikan nilai universal yang diamalkan oleh rakyat Malaysia untuk mengekalkan keunikan ini.



**DIMENSI MORAL**

Sejauh manakah perkahwinan campur dianggap sebagai keunikan rakyat pada masa kini? Berikan justifikasi berdasarkan penaakulan moral.

Adakala keunikan Hanesh Sikawah tidak dapat diterima oleh rakan-rakannya. Mereka berpendapat bahawa Hanesh seharusnya mengamalkan budaya satu kaum sahaja. Berikan komen anda.





## PEMULIHAN

- A** Hasilkan satu model patung yang berpakaian tradisional pelbagai kaum di Malaysia.



Contoh model patung berpakaian tradisional.

### Soalan 1

Ceritakan keunikan pakaian model patung yang telah anda hasilkan.

### Soalan 2

Apakah perasaan anda apabila berjaya menghasilkan rekaan fesyen pakaian tradisional pelbagai kaum yang unik? Jelaskan.

### Soalan 3

Apakah fungsi pemilihan aksesori dan warna pada pakaian tersebut?

- B** Cipta satu logo atau lambang yang berkaitan dengan keunikan rakyat Malaysia. Hasilkannya menjadi penanda buku. Tukar penanda buku tersebut dengan rakan anda di dalam kelas. Rakan anda perlu menilai keunikan logo atau lambang pada penanda buku yang telah anda hasilkan.



## REFLEKSI

Setelah anda melakukan aktiviti ini, adakah anda dapat menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian keunikan rakyat Malaysia?

- C** Lakukan aktiviti “Jom Melangkah ke Hadapan” bersama-sama dengan rakan kelas anda dalam mengenali tahap amalan hidup masyarakat pelbagai kaum.

#### PANDUAN PELAKSANAAN:

1. Berkumpul di kawasan lapang sekolah.
2. Guru membacakan pernyataan daripada *QR Code*.
3. Langkah ke hadapan jika pernyataan yang dibacakan bersesuaian dengan diri.
4. Kekal berdiri di tempat sedia ada jika pernyataan yang dibacakan tidak bersesuaian dengan diri.
5. Aktiviti diteruskan sehingga pernyataan terakhir dibacakan.
6. Kumpulan yang tiba di penghujung dianggap mengenali, menerima dan mengamalkan keunikan masyarakat Malaysia.



**CONTOH PERNYATAAN:**

- Saya mempunyai nama keluarga pada nama saya.
- Saya mempunyai agama atau kepercayaan sendiri.
- Saya pernah mengamalkan sekurang-kurangnya satu adat dan tradisi kaum saya.
- Saya pernah berkomunikasi dengan jiran saya daripada kaum lain.



Setelah selesai aktiviti ini:

1. Ceritakan pengalaman anda.
2. Jelaskan perasaan anda.
3. Huraikan pengajaran yang anda peroleh.



Contoh Pernyataan.



**PENILAIAN**

**A** Lihat gambar yang menunjukkan perayaan sesuatu kaum dimeriahkan oleh kaum lain tanpa mengira agama, bangsa, budaya dan bahasa.



1. Gambar di atas mencerminkan keunikan rakyat Malaysia. Jelaskan.
2. Bolehkah rakyat Malaysia mencapai matlamat ke arah identiti nasional yang berteraskan satu bahasa, satu bangsa dan satu negara pada masa akan datang? Berikan komen anda.
3. Sejauh manakah keunikan menyambut perayaan pelbagai kaum menjadi kebanggaan negara? Jelaskan.
4. Bagaimanakah anda mengekalkan keunikan rakyat Malaysia dalam kalangan rakan anda di sekolah?

**B** Pemberian cuti umum bersempena dengan perayaan pelbagai kaum merupakan satu usaha kerajaan dalam menghargai setiap kaum di Malaysia. Sejauh manakah usaha ini dapat mengekalkan keunikan rakyat Malaysia? Berikan justifikasi anda.

- C** Hasilkan satu video blog (vlog) yang berkaitan dengan keunikan makanan di kawasan tempat tinggal anda. Sebarkan keunikan tersebut sama ada pada peringkat sekolah, negara atau dunia dengan menggunakan media sosial.



Dim sum.



Laksa Sarawak.



Nasi kerabu.



Tose.

- D** Kongsi *vlog* tersebut dengan guru dan rakan-rakan anda. Apakah perasaan anda apabila mendapat banyak komen “suka” daripada pengguna media sosial?

**INFO TAMBAHAN**



*Vlog* atau video blog ialah video pendek yang berkonsepkan dokumentasi berkaitan dengan info, minat atau ulasan sesuatu perkara. *Vlog* mempunyai latar belakang audio dan visual yang berkaitan dengan topik. *Vlog* akan dimuat naik dalam laman sesawang yang sesuai.

(Sumber: Prosiding Seminar Nasional Pendidikan FKIP UNTIRTA, 2017)



Contoh *vlog*.  
"Makan".




## UNIT 12

# KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- 7.5.1 Ciri negara berdaulat.
- 7.5.2 Kepentingan mempertahankan kedaulatan negara.
- 7.5.3 Cabaran dalam mengekalkan kedaulatan negara.
- 7.5.4 Kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.
- 7.5.5 Perasaan apabila menjalankan tanggungjawab untuk mempertahankan kedaulatan negara.
- 7.5.6 Penglibatan diri dalam aktiviti bagi mengekalkan kedaulatan negara.



KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Apakah yang anda faham tentang kedaulatan negara?



**CADANGAN NILAI**

- Patriotisme
- Bertanggungjawab
- Hormat
- Keberanian
- Kerjasama



## KONSEP

Negara berdaulat ialah negara yang bebas daripada penjajahan dan berupaya untuk menguruskan hal ehwal negara secara bebas tanpa campur tangan daripada mana-mana negara lain. Malaysia merupakan sebuah negara berdaulat yang bebas mengadakan hubungan diplomatik dengan negara lain mengikut perlembagaan. Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia mempunyai ciri seperti yang di bawah:

## CIRI NEGARA

### MERDEKA

- Bebas membuat keputusan sendiri tanpa campur tangan daripada negara lain.
- Mempunyai pentadbiran kerajaannya sendiri.
- Bertanggungjawab menguruskan keperluan asasi rakyat.

### BERMARUAH DAN BERWIBAWA

- Kuasa politik yang stabil.
- Ekonomi yang mantap.
- Warganegara yang berkualiti.

### BERIDENTITI NASIONAL

- Bendera rasmi.
- Jata negara.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
- Prinsip Rukun Negara.
- Lagu kebangsaan.



## BERDAULAT

## INFO TAMBAHAN



Raja Berperlembagaan:

- Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.
- Yang di-Pertuan Agong menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua negara.
- Pentadbiran negara pula bersandarkan perlembagaan.

(Sumber: *Malaysia Kita*, Institut Tadbiran Awam Negara, 1991)

### BEBAS DARIPADA PENGARUH LUAR

- Perpaduan rakyat terjamin.
- Keamanan dan keselamatan rakyat terpelihara.
- Keunikan budaya dikekalkan.

### BERSTRUKTUR PEMERINTAHAN SENDIRI

- Antara komponen dalam perlembagaan persekutuan termasuklah pemisahan kuasa antara perundangan, kehakiman dan eksekutif (pentadbiran).
- Mengamalkan pemerintahan Raja Berperlembagaan.
  - Mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

## INFO TAMBAHAN



Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara. Sistem Demokrasi Berparlimen meletakkan pemisahan kuasa antara tiga cabang utama, iaitu perundangan, kehakiman dan eksekutif (pentadbiran).

(Sumber: [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my))

Langkah mempertahankan kedaulatan negara menjadi tanggungjawab setiap warganegara. Kedaulatan negara diperoleh daripada hasil perjuangan dan pengorbanan generasi dahulu. Oleh itu, generasi kini harus memahami kepentingan mempertahankan kedaulatan negara yang dinikmati.




**INFO TAMBAHAN**




Subversif ialah perbuatan yang bertujuan untuk melemahkan atau memusnahkan sesuatu sistem politik atau kerajaan.

(Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015)

Usaha mengekalkan kedaulatan perlu dilaksanakan secara berterusan oleh rakyat negara ini bersama-sama dengan kerajaan. Namun begitu, pada era globalisasi kini, terdapat pelbagai cabaran yang boleh menggugat kedaulatan negara yang perlu dihadapi.



Rakyat Malaysia perlu berbangga kerana dapat bersama-sama mempertahankan kemerdekaan sehingga hari ini. Kealpaan dan kegagalan mempertahankan kedaulatan negara boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk yang menjejaskan kedudukan negara.



Tanggungjawab menjaga kedaulatan negara merupakan tanggungjawab bersama antara pemimpin dengan rakyat. Setiap individu akan menikmati pelbagai kelebihan apabila sama-sama berusaha melaksanakan tanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan negara.



Kedaulatan negara memacu kemajuan negara.

Apabila setiap warganegara berjaya melaksanakan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara, perasaan cinta dan bangga sebagai rakyat negara berdaulat kian bertambah. Negara luar juga akan berasa kagum dengan imej negara yang bersih. Maka, rakyat dapat menunjukkan semangat kekitaan dalam menjayakan pelbagai program pembangunan negara.



## PENGUKUHAN

- A** Laksanakan aktiviti meja bulat (round table) untuk membincangkan isu kedaulatan negara.



UNIT 12

Bentukkan empat kumpulan dan kumpulkan maklumat seperti yang di bawah:

### KUMPULAN 1

Perkembangan sukan negara.

### KUMPULAN 2

Kemajuan ekonomi yang memakmurkan negara.

### KUMPULAN 3

Kemajuan bidang pendidikan dan teknologi.

### KUMPULAN 4

Tiga orang tokoh yang berjasa dalam pelbagai bidang.

Berikan rumusan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada aktiviti meja bulat (round table).


1. Bagaimanakah maklumat yang diperolehi daripada aktiviti ini dapat menyumbang kepada kedaulatan negara?
2. Ramalkan kesan sekiranya rakyat tidak mengamalkan nilai patriotik dalam memelihara kedaulatan negara.

“Tanah tumpahnya darahku”. Bincangkan rangkai kata yang terdapat dalam lirik lagu *Negaraku*.



7.5.1, 7.5.2, 7.5.3, 7.5.4

**B** Laksanakan forum tentang konflik yang boleh mengancam kedaulatan negara.




**DIMENSI MORAL**

Apakah perkara yang dapat dirumuskan daripada konflik yang mengancam kedaulatan negara?

Bagaimanakah anda mengurus emosi moral apabila berlaku penularan isu negatif tentang negara?


**C** Teliti situasi ini.

Negara Malaysia masih belum maju sepenuhnya walaupun sudah lama merdeka.



1. Jelaskan respons anda terhadap penularan berita dalam paparan telefon pintar ini.

2. Bagaimanakah situasi di atas boleh menjejaskan kedaulatan negara? Bincangkan.




**7.5.2, 7.5.3, 7.5.4, 7.5.5, 7.5.6**



## PENGAYAAN

- A** Laksanakan aktiviti fikir-pasang-kongsi (think-pair-share) tentang penglibatan pelbagai pihak dalam melaksanakan tanggungjawab mengekalkan kedaulatan negara. Dengan menggunakan pelbagai media, sediakan bahan pembentangan secara kreatif dan kongsi maklumat tersebut di hadapan kelas.

### PERANAN PELBAGAI PIHAK DALAM MENGEKALKAN KEDAULATAN NEGARA



UNIT 12



### NILAI UNIVERSAL

Sebagai warganegara yang berdedikasi, jelaskan nilai universal yang patut dipraktikkan dalam melaksanakan tanggungjawab mengekalkan kedaulatan negara.

Sejauh manakah penggunaan bahasa Inggeris boleh menggugat kedaulatan negara?

7.5.3, 7.5.4, 7.5.6

**B** Lakukan aktiviti sumbang saran berkaitan dengan pengertian prinsip Rukun Negara dan penghayatannya oleh masyarakat.



**C** Anda diminta untuk memberikan ucapan tentang kedaulatan negara berdasarkan prinsip Rukun Negara bersempena dengan Perhimpunan Badan Unit Beruniform di sekolah. Sediakan ucapan anda.



**REFLEKSI**

Rukun Negara sebagai nadi utama pegangan rakyat. Bersetujukah anda dengan pernyataan ini? Bincangkan.





## PEMULIHAN

- A Berdasarkan rajah di bawah, cadangkan langkah untuk mengatasi setiap cabaran dalaman yang boleh menggugat kedaulatan negara.

### CABARAN DALAMAN YANG BOLEH MENGGUGAT KEDAULATAN NEGARA



Sikap memburukkan imej negara.

Kegagalan mematuhi peraturan dan undang-undang.



Tiada kesedaran tentang amalan kebersihan.


Penggunaan bahasa yang kurang sopan.



Gejala vandalisme.



**B** Secara berkumpulan, cari maklumat tentang lambang negara Malaysia.



Jalur Gemilang.



Jata Negara.

Jelaskan maksud warna dan simbol dalam dua lambang ini.



Tugu Negara.



Parlimen.

Dua monumen ini dipilih sebagai identiti negara yang melambangkan kedaulatan negara. Bincangkan.

1. Mengapakah anda patut menghormati lambang negara?
2. Jelaskan perasaan anda apabila dapat mengenali identiti negara.
3. Cari maklumat tentang monumen dalam negara yang membanggakan anda. Kongsikan maklumat tersebut bersama-sama dengan rakan di dalam kelas.



Jelaskan nilai universal yang patut anda praktikkan dalam mempertahankan kedaulatan negara.



## PENILAIAN

- A** Teliti rajah tentang isu yang menggugat kedaulatan negara di bawah.

### ISU YANG MENGGUGAT KEDAULATAN NEGARA



1. Isu di atas boleh menggugat kedaulatan negara. Bincangkan.
2. Mengapakah keselamatan negara perlu diutamakan dalam menjamin kedaulatan negara?
3. Huraikan nilai yang patut diamalkan dalam menangani isu yang boleh menggugat kedaulatan negara.

- B** Teliti tajuk berikut dan jawab soalan esei di bawah.

### TANGANI ISU PELARIAN

Imigresen sedia laksanakan dasar kerajaan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin.

Isu pelarian selalu mendapat perhatian daripada media tempatan dan antarabangsa. Atas dasar kemanusiaan, kita menerima pelarian tersebut. Walau bagaimanapun, kehadiran mereka boleh menggugat kedaulatan negara. Bincangkan isu ini berdasarkan dimensi moral.

- C** Secara berkumpulan, sediakan sebuah dokumentari yang bertajuk “Aku Anak Malaysia”. Anda boleh menggunakan panduan di bawah untuk menyediakan dokumentari tersebut.



### Aku Anak Malaysia

Amalan harian pelbagai kaum.

Pengukuhan hubungan antara warga sekolah.

Kepelbagaian kaum dan budaya di taman perumahan.

Kemajuan yang dicapai dan kemudahan yang disediakan demi kesejahteraan rakyat.

Kejayaan negara Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Penglibatan dalam aktiviti yang bersifat patriotik.

- D** Kongsikan dokumentari anda bersama-sama dengan rakan lain di dalam kelas. Jelaskan perasaan anda menjadi rakyat di negara yang berdaulat.

## SENARAI RUJUKAN

- Abdul Rahman Md. Aroff, 1999. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Aziz Bari, 2008. *Perlembagaan Malaysia Teori & Praktis*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.
- Abdullah Zhidi Omar et al, 2016. *Pengantar Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Aboriginal Peoples Act, Laws of Malaysia, All Amendments Up to May, Act 134, 2006*. Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd.
- Ahmad Khamis, 1999. *Etika (Pendidikan Moral) untuk Institusi Pendidikan Tinggi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Al-Quran dengan Terjemahan*, 2017. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Asean Human Rights Declaration (AHRD) and The Phnom Penh Statement on The Adoption of The AHRD and Its Translations*, 2013. Jakarta: The Association of Southeast Asian Nations Secretariat.
- Azlina Ahmad, Redzuan Amin, 2015. *Amalan Menyimpan dan Melaburkan Wang*. Seri Kembangan, Selangor: Pustaka Dasar Jaya Sdn. Bhd.
- Azlina Ahmad, Redzuan Amin, 2015. *Perancangan Kewangan Remaja*. Seri Kembangan, Selangor: Pustaka Dasar Jaya Sdn. Bhd.
- Azman bin Ariffin dan Zaleha binti Fadzil, "Terima Kasih Cikgu" dlm. *Jurnal Penyelidikan Tindakan IPBL*, Jilid 2, hlm. 51 – 66, 2008.
- Azrina Jonit, 2004. *Keperluan dalam Pendidikan Moral untuk Menghadapi Cabaran Era Pasca Modenisme*. Nilai, Negeri Sembilan: Inti College Malaysia.
- Brown, H. Douglas, 2001. *Teaching by Principles: An Interactive Approach to Language Pedagogy*. New York: A Pearson Education Company.
- Bullare, Ferlis@Bahari, (ed), 2015. *Integriti dalam Keluarga: Panduan ke Arah Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Chang Lee Hoon, "An Appraisal on The Implementation of Moral Education for Schools in Malaysia" dlm. *Proceedings of The 4<sup>th</sup> International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, Bil. 12, 8 – 10 November 2010*.
- Diana Baumrind, *The Influence of Parenting Style on Adolescent Competence and Substance Use* dlm. *The Journal of Early Adolescence* 11(1), 56 – 95, 1991.
- Dr Mohd Hazim Mokhtar, 2016. *Pentaksiran Pendidikan Teori dan Praktis*. Kuala Lumpur: Kentalmas Jati Sdn. Bhd.
- Eow Boon Hin et al, 2008. *Moral Education*. Revised Edition. Selangor: Prentice Hall.
- Halimatus Saadiah Mat Saad et al, "Peranan Integriti Sebagai Mediator antara Kepuasan Kerja Menurut Perspektif Islam dan Prestasi Kerja: Pendekatan Empirikal Menggunakan Model SEM/AMOS" dlm. *International Conference on Research in Ethics Education*, Bil. 45 – 60, 2013.
- Institut Integriti Malaysia, 2014. *Penjawat Awam Berintegriti*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- K-12 Bahan Perancangan Projek Pembelajaran Berkhidmat. Versi Kemas Kini. RMC Research Corporation for Learn and Serve America's, 2009.
- Kamal Azmi Abd Rahman et al, "Kecelaruhan Nilai dalam Falsafah Etika. *The Incoherence of Value in Ethical Philosophy*" dlm. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam, KUIS*, Bil. 8, Isu 1, 2015.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Penyelidik Undang-undang, 2015. *Kanun Keseksaan (Akta 574)*. Petaling Jaya, Selangor: International Law Book Services.
- Lim Swee Tin, Dr., 2010. *Jejak Guru Berintegriti: Integriti Memperkasa*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Maruwiah Ahmat, 2012. *Siri Budaya Warisan Malaysia: Alat Muzik Tradisional*. Shah Alam: Get Smart Publications Sdn. Bhd.
- Maruwiah Ahmat, 2012. *Siri Budaya Warisan Malaysia: Makanan Tradisional*. Shah Alam: Get Smart Publications Sdn. Bhd.
- Maruwiah Ahmat, 2012. *Siri Budaya Warisan Malaysia: Seni Pentas Tradisional*. Shah Alam: Get Smart Publications Sdn. Bhd.
- Mazlan Musa, Izal Arif Zahrudin dan Suzanna Che Moin, 2010. *Etika dan Integriti di Malaysia: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Mohd. Gulam Jamaluddin, Hazar Kamali Din dan Hasniah Hussain, 2014. *15 Teknik Bercerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhamad Ridzuan Amin, Lina Ahmad, 2009. *Merancang Kewangan*. Subang Jaya, Selangor: Pustaka Seri Idaman.
- Muthualagan Thangavelu et al, 2009. *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Noor Azilawati Mohd. Sabda, 2003. *Merancang Perbelanjaan Bijak*. Petaling Jaya, Selangor: Penerbit Pinang Sdn. Bhd.
- Panel Penulis, 2018. *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023. Jabatan Perdana Menteri, Pusat Governens, Integriti dan Antirasuah Nasional, 2019.
- Perlembagaan dan Undang-undang Am*, 2005. Disusul oleh: Lembaga Penyelidikan Undang-undang. International Law Book Service. Selangor: Wisma ILBS.
- Poh Swee Hiang, 1997. *Pedagogi Sains 2: Strategi Pengajaran Pembelajaran Sains*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ringkasan Pelan Integriti Nasional*, 2010. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- Ronny Yudhi Septa Priana, "Pemanfaatan Vlog Sebagai Media Pembelajaran Terintegrasi Teknologi Informasi" dlm. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan FKIP UNTIRTA*, 2017.
- Roslan Mahmood dan Dr. Nik Rosnah Wan Abdullah, "Pendidikan Etika, Moral dan Integriti dalam Organisasi Sektor Awam di Malaysia" dlm. *Jurnal Pengurusan Awam*, Bil. 123 – 140, Jun 2008.
- Saphier, Jon, 2017. *High Expectations Teaching: How We Persuade Students to Believe and Act on 'Smart is Something You Can Get'*. California: Corwin.
- Tam Yeow Kwai, 2006. *Pendidikan Moral: Konsep dan Pedagogi Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Tan Bee Piang, Rahimah Wahid dan Zuraini Jamil@Osman, 2015. *Peranan Guru dalam Membina Iklim Moral dalam Bilik Darjah*. Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Vishalache Balakrishnan, 2009. *Pendidikan Moral untuk Universiti dan Kolej*. Shah Alam: Arah Publications.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2015. *Pembelajaran Koperatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2015. *Permainan dan Simulasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong Nai Kung et al, 2011. *Pendidikan Moral*. Selangor: Cengage Learning Asia Pte Ltd.

#### **LAMAN SESAWANG**

- <http://www.yadim.com.my/v2/tips-berbelanja-dengan-berhemah/> (dicapai pada 5 Disember 2018)
- [https://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/panduan\\_belanja\\_berhemah/files/downloads/panduan\\_belanja\\_berhemah.pdf](https://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/panduan_belanja_berhemah/files/downloads/panduan_belanja_berhemah.pdf) (dicapai pada 5 Disember 2018)
- <https://jomurusduit.com/2016/03/6-langkah-kawal-belanja-supaya-lebih.html> (dicapai pada 5 Disember 2018)
- <http://quranicgen.com/20-tips-pengurusan-kewangan-peribadi/http://quranicgen.com/20-tips-pengurusan-kewangan-peribadi/> (dicapai pada 5 Disember 2018)
- <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/gajiawal-usah-boros-ini-8-tips-mengurus-perbelanjaan-64609> (dicapai pada 5 Disember 2018)
- <https://www.scribd.com/doc/10224332/Nilai-Norma-Masyarakat-Melayu> (dicapai pada 5 Disember 2018)
- <http://www.fomca.org.my/v1/index.php/tentang-kami/hak-hak-pengguna> (dicapai pada 5 Disember 2018)
- <https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Akta%2088%20%20Akta%20Rahsia%20Rasmi%201972.pdf> (dicapai pada 16 Disember 2018)
- <http://www.jkkn.gov.my/ms/dasar-kebudayaan-kebangsaan> (dicapai pada 1 Julai 2019)
- <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1653797> (dicapai pada 18 Januari 2019)
- <http://www.jpn.gov.my> (dicapai pada 10 Disember 2018)
- <https://www.suhakam.org.my/> (dicapai pada 2 Februari 2019)
- [https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Perlembagaan\\_Persekutuan.pdf](https://legal.usm.my/v3/phocadownload/laws/Perlembagaan_Persekutuan.pdf) (dicapai pada 4 Januari 2019)
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/09/379373/larangan-straw-plastik-hanya-untuk-peniaga> (dicapai pada 2 Februari 2019)

## INDEKS

- adat resam 10, 22, 122  
adil 32, 77, 79, 106, 124  
agama 4, 7, 65, 71, 72, 76, 79, 92, 107, 108, 122, 123, 125, 129, 152, 155, 156, 159, 163, 164, 176  
agensi 58, 94, 123, 128, 175  
akta 39, 72, 92, 111, 131  
alam sekitar 90, 96, 108, 112, 113, 122, 139  
amanah 21, 43, 65, 66, 68, 72, 76, 124  
autoritarian 82  
autoritatif 82  
baik hati 91, 93,  
beretika 46 – 51, 53, 55 – 58, 138 – 149  
berkeperibadian mulia 18, 20, 21, 24 – 28  
berperikemanusiaan 33, 89 – 102  
berswafoto 3  
bertanggungjawab 22, 50, 63, 66, 72, 76, 96, 106, 110, 112, 113, 118, 126, 142, 155, 168  
bicarawara 131  
budaya 4, 12, 108, 122, 123, 125, 129, 152 – 160, 164, 169, 171, 174, 180  
cabaran 14, 21, 23, 28, 67, 69, 117, 125, 129, 131, 134, 154, 155, 160, 171, 177  
*circle time* 80, 81  
demokrasi 169  
digital 14, 55  
dimensi moral 12, 82, 95, 130, 159, 179  
emosi 18, 21, 28, 39, 53, 66, 77, 84, 85, 92, 94, 127, 129, 143, 174,  
hak 32, 34, 39, 55, 70, 105 – 111, 114 – 118, 139  
harga diri 92  
hedonisme 12  
identiti 109, 122, 153, 154, 164, 168, 178  
ikhlas 18, 19, 90  
inflasi 141  
insan bermoral 8, 13, 21, 37, 57  
integriti 62, 63, 65, 68, 69, 71, 72, 76 – 86  
jata negara 168, 178  
justifikasi 24, 34, 35, 54, 66, 67, 70, 85, 95, 98, 117, 130, 144, 160, 164  
kaedah stesen 22, 40  
kasih sayang 33, 77, 87, 93, 114  
kaum 4, 7, 8, 13, 15, 107, 108, 111, 118, 122, 123, 125 – 135, 152 – 157, 159 – 164, 176, 180  
kebajikan 26, 33, 35, 39, 65, 77, 84, 87, 92, 94, 102, 118, 123  
kebebasan 8, 50, 82, 106, 107, 108, 110  
kedaulatan 106, 124, 167, 170 – 179  
kejujuran 62, 75  
kerjasama 22, 84, 94, 123  
keselamatan 49, 54, 72, 87, 91, 92, 109, 110, 122, 123, 124, 139, 169, 179  
keunikan 7, 151 – 162, 164, 165, 169  
keyakinan 63, 64, 123, 124  
konflik 34, 35, 36, 84, 121, 123, 154, 174  
main peranan 26, 43, 85, 119  
masyarakat 4 – 15, 19, 27, 31, 34, 35, 36, 38, 40, 48, 50, 62, 64, 76, 79, 90-95, 97, 101, 109, 110, 111, 113, 122 – 125, 127, 128, 129, 134, 135, 141, 148, 154, 157, 162, 171, 176  
media sosial 122, 125, 129, 159, 165  
membuat keputusan 6, 32, 33, 34, 35, 36, 82, 96  
menaakul 34  
merdeka 168, 174  
mufliis 141, 148  
norma masyarakat 3 – 15, 48, 76, 91, 171  
OKU 32, 90, 97  
Orang Asli 111, 152, 157  
patriotik 122, 170, 171, 173, 180  
pegangan 12, 62, 65, 76, 92, 176  
pembelajaran berkhidmat 29  
pemikiran 18, 27, 32, 49, 62, 84, 90, 111  
pengabaian 7, 10, 13, 49, 53, 69, 92, 101, 109, 115, 116, 147, 171  
perbelanjaan 21, 138 – 149  
perlakuan moral 18, 28, 53  
perlembagaan 106 – 108, 110, 131, 168, 169, 176  
permainan tradisional 14, 135  
permisif 82  
perpaduan 122 – 135, 153, 155, 157, 169, 170, 171  
pertimbangan moral 32, 33, 34, 35, 36  
pertuturan 7, 18, 21, 32  
perundangan 169  
plagiarisme 73  
politik 108, 153, 168, 170, 171  
positif 20, 62, 77, 93, 129  
prinsip keadilan 32, 34, 35, 36, 37, 39, 40, 41, 42, 43  
prinsip keprihatinan 32 – 37, 39, 40, 41, 42, 43  
rasional 32, 50, 90, 124, 142  
Rukun Negara 168, 176  
sabar 18, 21  
sederhana 18, 19, 21, 50, 142  
sistem 46, 49, 51, 169, 170, 171  
strategi 34, 36, 111, 155, 156, 157, 159  
tanggungjawab 67, 76, 81, 86, 105–110, 112, 114–119, 169, 170, 171, 172, 174, 175  
teknologi maklumat dan komunikasi 45 – 58, 70

tenang 18, 23  
toleransi 84, 125, 158  
tular 129

wajar 4, 35, 37, 38, 41, 90, 108, 118, 123  
warga tua 77, 79, 92  
warganegara 105 – 116, 118, 168, 170, 172, 175



Cadangan Jawapan.



Nilai Universal.